Menurut Aminnudin Saimon dan Zaitul Azma Zainon Hamzah (2019) dengan kajian mereka iaitu “*Penggunaan Tokoh dalam Plot Konflik Filem: Satu Analisis Pragmatik*”. Bahasa kiasan ialah satu bentuk bahasa yang diungkapkan untuk menghargai sesuatu yang tidak baik atau berniat buruk. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis penggunaan bahasa kiasan dalam plot konflik menggunakan pendekatan pragmatik. Reka bentuk kajian ini adalah kaedah kualitatif dengan menganalisis data. Data yang digunakan diperoleh daripada filem Melayu lakonan Nordin Ahmad iaitu “Lanchang Kuning”, “Semerah Padi”, “Hang Jebat”, dan “Seri Mersing”. Hasil kajian menunjukkan bahawa bahasa kiasan digunakan secara meluas dalam plot konflik untuk menyatakan kekecewaan, pergaduhan, dan ketidakpuasan hati. Kajian ini juga membuktikan bahawa penggunaan bahasa kiasan dapat difahami oleh komunikator berdasarkan pendekatan teori pragmatik. Kesimpulannya, kajian tentang bahasa dalam filem telah berjaya menonjolkan kepelbagai personaliti, penaakulan positif atau negatif, dan daya kreativiti masyarakat Melayu dalam menyampaikan mesej dalam situasi konflik. Penggunaan bahasa kiasan dalam plot konflik memberikan dimensi emosi yang lebih kuat dan memperkaya pemahaman kita tentang cara komunikasi yang digunakan dalam konteks konflik. Dengan memahami penggunaan bahasa kiasan dalam filem Melayu, kita dapat menghayati kekayaan bahasa dan budaya serta meningkatkan pemahaman kita terhadap dinamika konflik yang wujud dalam masyarakat.

Selain itu, menurut Maizatul Azura Yahya, Ainal Akmar Ahmad, Nasihah Hashim & Arina Johari (2022) dengan tajuk kajian mereka “*Unsur Konflik Dalam Kartun ‘Aku*

*Budak Minang': Kajian dari Perspektif Psikologi".* Kajian ini bertujuan untuk membincangkan konflik yang wujud dalam keluarga dan masyarakat yang digambarkan melalui kompilasi kartun 'Aku Budak Minang', sebuah karya yang sangat terkenal oleh kartunis lagenda negara, Ujang. Objektif kajian ini adalah untuk mengklasifikasi dan menganalisis elemen konflik dalam kartun 'Aku Budak Minang' dari sudut psikologi menggunakan teori Humanistik Abraham Maslow. Reka bentuk kajian ini menggunakan kaedah kualitatif iaitu kaedah analisis kandungan dan kajian literatur untuk mendapatkan data yang bersesuaian dan relevan dengan objektif kajian. Hasil kajian menunjukkan bahawa teks kartun ini menyentuh aspek konflik seperti konflik dalam keluarga, konflik dalaman individu, dan konflik dengan rakan sebaya. Melalui kajian yang dijalankan juga didapati konflik yang dialami oleh watak dalam kartun ini dapat diatasi oleh remaja yang menghadapi konflik apabila melihatnya dari sudut yang positif. Dengan memahami konflik yang dihadapi dalam kartun 'Aku Budak Minang', kita dapat melihat bagaimana Ujang menunjukkan kerumitan dan realiti konflik dalam kehidupan seharian. Selain itu, melalui pendekatan psikologi Humanistik Abraham Maslow, kajian ini memberi kefahaman tentang bagaimana individu boleh mengatasi konflik dan berkembang secara positif melalui pembangunan diri.

Menurut Margaretha Ervina Sipayung (2016) dengan kajiannya bertajuk "*Konflik Sosial dalam Novel Maryam Karya Okky Madasari: Kajian Sosiologi Sastra*". Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis konflik sosial yang terjadi dalam novel Maryam karya Okky Madasari. Kajian ini hanya menggunakan novel Maryam karya Okky Madasari. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif deskriptif iaitu dengan menganalisis kajian struktural yang meliputi aspek-aspek alur, tokoh dan penokohan serta

latar. Kajian ini menggunakan teori konflik sosial yang menfokuskan novel Maryam. Dalam novel ini, terdapat konflik sosial yang timbul akibat perbezaan pandangan dan kepercayaan antara kelompok masyarakat. Konflik sosial ini mencerminkan ketidakadilan dan sikap tidak bertoleransi dalam masyarakat, di mana orang cenderung untuk mendiskriminasi dan menilai orang lain berdasarkan latar belakang atau kepercayaan mereka. Dalam konteks ini, penulis telah berjaya menggambarkan kerumitan dan kepelbagaiannya konflik sosial yang wujud dalam masyarakat. Justeru itu, novel ini telah memberi peluang kepada pembaca merenung tentang kepentingan toleransi, persefahaman, dan menghormati perbezaan dalam masyarakat bagi mengelakkan konflik sosial yang memudaratkan daripada berlaku.

Seterusnya, menurut Rosnani Md Zain & Nik Rafidah Nik Muhamad Affendi (2018) dengan kajian mereka bertajuk “*Unsur Konflik dalam Novel Nenek Karya Razali Endun*”. Kajian ini membicarakan konflik yang terdapat dalam novel Nenek. Tujuan kajian ini adalah untuk mengklasifikasi dan menganalisis unsur konflik yang terdapat dalam novel Nenek. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan kaedah kualitatif dengan menganalisis teks dalam novel Nenek untuk mendapatkan data yang bersesuaian dan relevan dengan objektif kajian. Kajian ini menggunakan teori humanistik yang diperkenalkan oleh Abraham Maslow. Dapatan kajian ini mendedahkan kisah individu yang kerap bergaduh, berada dalam dilema, dan tidak dapat membuat keputusan yang betul untuk menyelesaikan masalah. Dengan berbuat demikian, novel Nenek telah menangani pelbagai aspek konflik, termasuk individu, politik, ekonomi dan keluarga. Kajian ini telah mendapati bahawa Razali Endun berjaya memberikan gambaran tentang masyarakat kontemporari berdasarkan paparan konflik semasa dalam novelnya. Terdapat persamaan antara kajian Rosnani Md Zain

dan Nik Rafidah Nik Muhammad Affendi yang menekankan beberapa aspek konflik, manakala pengkaji juga menekankan teori konflik dalam filem *TKVDW* arahan Sunil Soraya.

Menurut Putri Juita, Tantri Saraswati, & Rudiansyah (2021) melalui kajian jurnal mereka bertajuk "*Analisis Kepribadian dan Konflik Batin Tokoh Utama dalam Filem Pendek Dí Dá karya Ryan Tan*". Tujuan kajian ini adalah untuk menjelaskan struktur personaliti dan konflik dalam watak utama filem pendek Dí Dá, arahan Ryan Tan. Reka bentuk kajian yang digunakan dalam kajian ini ialah kaedah kualitatif deskriptif. Kajian ini telah menggunakan teori psikoanalisis. Dapatan yang diperolehi dalam kajian ini mendedahkan bahawa watak utama mempunyai personaliti mementingkan diri sendiri, rasa malang, dan penuh dengan penyesalan. Konflik dalaman yang dialami oleh watak tersebut digambarkan melalui lirik lagu yang ditulisnya yang menyampaikan perasaan malang dan kekesalan awalnya terhadap perbuatannya terhadap ibunya. Secara keseluruhannya, kajian ini meningkatkan penghargaan terhadap teknik penceritaan rumit yang digunakan dalam filem pendek Dí Dá dan memberikan pandangan berharga tentang kerumitan sifat manusia dan konflik yang timbul dalam diri individu. Perbezaan dalam kajian ini terletak pada fakta bahawa penyelidik menganalisis personaliti dan konflik dalam watak utama filem pendek Dí Dá oleh Ryan Tan menggunakan teori psikoanalisis, manakala penkaji meneliti filem *TKVDW* arahan Sunil Soraya, menganalisis jenis konflik dan penyelesaiannya menggunakan teori konflik.

Seterusnya, menurut Sicka Melinda (2020) dengan kajiannya yang bertajuk "*Konflik Sosial antara Tokoh dalam novel Jizeru karya Akiyoshi Rikako Pendekatan Sosiologi Sastera*". Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis konflik sosial yang berlaku

dalam novel Jizeru karya Akiyoshi Rikako dengan pendekatan intrinsik dan ekstrinsik. Reka bentuk kajian yang digunakan ialah dengan menggunakan kaedah kualitatif iaitu menganalisis teks secara deskriptif. Kajian ini hanya menggunakan sebuah novel iaitu Jizeru karya Akiyoshi Rikako. Dapatan kajian yang diperolehi dalam kajian ini adalah mendapat bahawa aksi sosial dalam novel Jizeru berbentuk konflik sosial antara watak dalam novel ini menyebabkan hubungan sosial mereka tidak baik. Seterusnya, terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Sicka Melinda iaitu beliau menekankan fokus kepada konflik sosial yang berlaku dalam novel Jizeru karya Akiyoshi Rikako dengan pendekatan intrinsik dan ekstrinsik iaitu pendekatan sosiologi kesusasteraan dengan teori sosiologi Max Weber, manakala pengkaji pula memberikan penekanan terhadap teori konflik dalam filem *TKVDW* dengan analisis aspek konflik dan penyelesaiannya.

Nurhayati Diyana binti Musa (2015) dengan kajiannya yang bertajuk “*Konflik-konflik Dalam Drama Shaharom Husain*”. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti kewujudan konflik dalam drama Shaharom Husain dan menganalisis konflik yang terdapat dalam drama Shaharom Husain. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah penggunaan kaedah kualitatif. Dapatan kajian yang diperolehi di dalam kajian ini adalah aspek konflik kekuasaan meliputi persoalan konflik permusuhan dalam kalangan pembesar, konflik penyalahgunaan kuasa, konflik mempertahankan kuasa dan konflik perebutan kuasa. Terdapat perbezaan kajian yang dilakukan oleh Nurhayati Diyana binti Musa pada tahun 2015 adalah beliau memberikan fokus kepada konflik dalam drama Shaharom Husain manakala Pengkaji pula memberikan penekanan terhadap konflik dan penyelesaian dalam filem *TKVDW* arahan Sunil Soraya.

Kajian yang dilakukan oleh Uzzaiman Aliff bin Azman (2022) bertajuk "*Pendekatan Teori Konflik Menerusi Pertelingkahan Watak dalam Skrip Drama Mayat*" telah menganalisis faktor-faktor yang menyebabkan pertelingkahan watak dalam skrip drama tersebut. Tujuannya adalah untuk membincangkan dan membuktikan kewajaran pertelingkahan watak dengan menggunakan teori konflik Karl Marx sebagai rangka kajian. Kajian ini menggunakan pendekatan kualitatif deskriptif sebagai reka bentuk kajian. Hasil kajian menunjukkan adanya masalah kelas sosial yang terdapat dalam kehidupan kita, sebagaimana yang dijelaskan oleh teori konflik Karl Marx, serta kehadiran birokrasi dalam pengurusan. Kajian ini memberikan perbezaan dengan penggunaan teori konflik Karl Marx dalam menganalisis pertelingkahan watak dalam skrip drama Mayat (1970), manakala pengkaji menggunakan teori konflik J.W Burton untuk meneliti jenis konflik dan cara penyelesaiannya dalam filem *TKDVW*.

## 2.2 Pengkajian Berkaitan filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*

Menurut Dana Indah Saimuary, Imelda Meilani Simbolon & Rindu L.W Hutabarat (2021) dengan kajian bertajuk "*Analisis Sosiolinguistik dalam Filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*". Tujuan kajian ini adalah untuk mendefinisikan sebuah kaitan sosiolinguistik dan penerapannya terhadap filem *TKDVW*. Kajian ini hanya menggunakan filem *TKDVW* sebagai bahan utama yang diterbitkan oleh Sunil Soraya. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah kualitatif iaitu seluruh aspek kajian perspektif yang meliputi tema, diksi, gaya bahasa dan amanat dalam filem *TKDVW* yang mempengaruhi aspek sosiologi dan linguistik terhadap filem tersebut. Teknik pengumpulan data ialah pada pemerhatian seperti menganalisis dan menonton filem. Kajian ini menggunakan teori

sosiologi dan linguistik sebagai landasan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian ini adalah dengan memperoleh dan dapat sosiolinguistik dapat dibuktikan bahawa sangat mempengaruhi terhadap unsur pembangun filem *TKVDW* arahan Sunil Soraya.

Menurut Welsi Damayanti (2020) dengan tajuk kajiannya “*Campur Kode dan Gambaran Kehidupan Masyarakat Minang dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck: Tinjauan Sosiolinguistik*”. Tujuan kajian ini adalah untuk mencari campuran bahasa yang digunakan oleh para tokoh dalam filem *TKVDW* dan gambaran kehidupan masyarakat Minangkabau. Kajian ini hanya menggunakan filem *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck* sebagai bahan utama untuk rujukan kajian ini. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah dengan penggunaan kaedah kualitatif deskriptif dengan mengklasifikasikan penggunaan campuran kod pada penggunaan bahasa dan deskripsi kehidupan masyarakat Minangkabau dalam filem *TKVDW*. Kajian ini menggunakan pendekatan sosiolinguistik sebagai landasan bagi mencapai objektif yang telah ditetapkan. Hasil kajian ini adalah dalam bentuk mencari kod bahasa campuran yang digunakan oleh tokoh sebagai kekayaan Indonesia yang mempunyai pelbagai bahasa. Gambaran kehidupan masyarakat yang dimaksudkan dalam kajian ini bukan sahaja interaksi sosial tetapi juga peraturan hidup. Masyarakat Minang yang mempunyai peraturan untuk anak dan anak saudara adalah unik. Kehidupan masyarakat Minangkabau merupakan adat yang dibentuk oleh pemimpin adat terdahulu.

Seterusnya, kajian yang dilakukan oleh Suryana Alfathah & Rizqi Akbar Maulana (2023) bertajuk “*Simbol Identitas Penggunaan Ayat Al-Quran dalam Filem Indonesia: Kajian Semiotika Filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck dan Maknum*”. Tujuan kajian ini adalah untuk mengenal pasti tanda-tanda yang ditunjukkan dalam filem *TKVDW* dan *Maknum* dengan fokus kajian terhadap penggunaan ayat-ayat al-Quran dalam kedua-dua filem tersebut. Kajian ini menggunakan dua filem sebagai bahan utama iaitu *TKVDW* dan

Maknum. Reka bentuk kajian ini adalah dengan menggunakan pendekatan kualitatif iaitu dengan mengumpul data dan melakukan pemerhatian dengan menganalisis dua buah filem iaitu *TKVDW* dan Maknum. Kajian ini menggunakan teori pendekatan semiotik yang diperkenalkan oleh Charles Sanders Pierce sebagai landasan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian ini ialah filem boleh menjadi medium dakwah Islamiah yang mengandungi mesej Islam. Identiti keislaman yang terkandung dalam kedua-dua filem tersebut merangkumi aspek budaya, watak, pakaian, dan ritual yang dilakukan. Penggunaan ayat-ayat al-Quran dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* menunjukkan mesej untuk menuntut ilmu, persamaan sosial, berbakti kepada ibu bapa, dan percaya kepada kekuasaan Allah SWT. Manakala dalam filem Maknum pula memaparkan sikap kehambaan manusia terhadap kelemahan diri, memohon perlindungan daripada Allah SWT, serta tanda-tanda kesembuhan penyakit melalui bacaan ayat-ayat al-Quran. Kajian ini mencadangkan idea lanjut tentang kajian semiotik yang lebih pelbagai dan komprehensif dalam saluran media lain.

Melalui kajian Riesangaji Wibisehna (2020) yang bertajuk “*Islam dan Budaya Minangkabau dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*”. Tujuan kajian ini adalah untuk mendefinisikan hubungan Islam dan Budaya Minangkabau sekaligus pesan-pesan dakwah. Kajian ini hanya menggunakan filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sebagai sumber primer dalam kajian yang dilakukan. Reka bentuk kajian yang telah digunakan dalam kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif dengan pendekatan deskriptif iaitu membuat pemerhatian dan menganalisis filem *TKVDW*. Kajian ini menggunakan pendekatan analisis semiotik yang diperkenalkan oleh Charles Sanders Pierce sebagai landasan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian ini menunjukkan bahawa hubungan Islam dan Budaya Minangkabau yang disimbolkan dalam

filem *TKVDW* telah mewujudkan dari segi penggunaan bahasa, pakaian dan adat yang ditunjukkan memlalui beberapa babak seperti babak yang menunjukkan pengangkutan tradisional, gambar-gambar pemuda Batipuh yang sedang mendengar dan mendalami ilmu agama.

Seterusnya, menurut Herminda (2020) dengan kajiannya yang bertajuk “*Analisis Semiotika Pesan-Pesan Karakter Islam dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*”. Tujuan kajian ini adalah untuk mengetahui pesan-pesan karakter dalam filem *TKVDW* dan menganalisis pesan-pesan karakter dalam islam. Kajian ini hanya menggunakan filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* sebagai bahan ruukan kajian ini. Reka bentuk kajian yang digunakan adalah kaedah penelitian kualitatif. Potongan-potongan gambar, teks dan suara yang terdapat dalam filem *TKVDW* digunakan sebagai objek penelitian dan jenis data adalah data primer dan sekunder. Kajian ini menggunakan teori semiotik oleh Ferdinand de Saussure dengan dua tahap iaitu penanda dan petanda sebagai landasan bagi mencapai objektif yang ditetapkan. Hasil kajian ini telah menampilkkan bahawa mesej watak daripada barisan pelakon dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* iaitu Zainuddin mempunyai perwatakan yang tegas dalam membuat keputusan dan Hayati seorang wanita yang merendah diri. Mesej watak-watak Islam dalam filem ini ialah berani, didahulukan, kejujuran, kerja keras, tolong menolong, harga diri, Penyayang dan sopan.

Kajian yang dilakukan oleh Nadiatul Khairiah (2019) dengan kajian bertajuk “*Hubungan Timbal Balik antara Prinsip Kerja Sama dengan Prinsip Kesantunan dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*”. Tujuan kajian ini adalah untuk membincangkan perkaitan antara prinsip kerjasama dengan prinsip kesantunan yang terkandung dalam pertuturan watak-watak dalam filem *TKVDW*. Kajian ini hanya menggunakan sumber data yang diambil daripada filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Reka bentuk kajian ini

adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif. Pada peringkat menyediakan data, kaedah mendengar digunakan. Fasa analisis data menggunakan kaedah padanan dengan menggunakan kaedah setara intralingual dan ekstralingual. Seterusnya, hasil analisis data dipersembahkan secara deskriptif dan dibantu dengan penggunaan jadual. Hasil kajian menunjukkan bahawa dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck* terdapat beberapa ujaran yang mempunyai hubungan timbal balik antara prinsip kerjasama dan prinsip kesantunan. Hubungan timbal balik ini berlaku dalam pelanggaran prinsip kerjasama yang dijalankan demi memenuhi prinsip kesantunan, begitu juga sebaliknya. Dalam filem ini, jika dibandingkan dengan prinsip kesantunan, prinsip kerjasama inilah yang cenderung dipatuhi oleh watak dalam filem tersebut. Maksim yang mendominasi keputusan ini ialah maksim perkaitan prinsip kerjasama dan maksim pujian atas prinsip kesantunan. Hal ini disebabkan oleh korelasi yang paling banyak ditemui ialah antara maksim perkaitan dan maksim pujian. Tanggapan yang relevan ini sering juga mengandungi kritikan yang terus terang disampaikan oleh penutur sehingga menyebabkan berlakunya pelanggaran maksim pujian dalam prinsip kesantunan.

### 2.3 Teori Konflik Dengan Pendekatan J.W. Burton

Che Mohd Aziz Yaacob dan Mohammad Zaki Ahmad (2019) dengan jurnal mereka yang bertajuk “*Transformasi Isu dalam Penyelesaian Konflik Patani di Selatan Thailand*”. Kajian ini bertujuan menganalisis data yang memfokuskan kepada transformasi isu konflik Patani yang pada awalnya berpaksikan tuntutan kemerdekaan, kemudian beralih kepada isu identiti Melayu Patani yang mengalami asimilasi dan diskriminasi. Reka bentuk kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif untuk menyelesaikan dan mendapatkan data

yang bersuaian dengan objektif kajian. Dapatan kajian menyerlahkan struktur hubungan yang tidak seimbang sebagai punca usaha mengasimilasikan jati diri Orang Melayu Islam Patani (OMIP). Kajian ini menggambarkan perubahan ketara dalam dinamik isu konflik, dengan tumpuan kepada peralihan daripada tuntutan kemerdekaan kepada isu identiti yang lebih spesifik. Terdapat persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji di mana Che Mohd Aziz Yaacob dan Mohammad Zaki Ahmad menggunakan teori konflik terutamanya pendekatan J.W. Burton, dalam meneliti isu penyelesaian konflik Patani di Selatan Thailand manakala pengkaji juga menggunakan teori konflik J.W. Burton dalam menganalisis jenis konflik dan penyelesaiannya melalui filem *TKVDW*. Kajian ini selain membincangkan transformasi isu dalam konflik Patani, memberikan perspektif yang berharga dengan memanfaatkan teori konflik untuk memahami dinamika penyelesaian konflik, serta memberikan pemahaman tambahan melalui analogi dengan penyelidikan.

Seterusnya, menurut I Nyoman Sudira (2022) dengan kajiannya yang bertajuk “*Resolusi Konflik Sebagai Jalan Perdamaian Di Tanah Papua*”. Kajian ini bertujuan untuk mencari punca utama konflik di Tanah Papua, merumuskan penyelesaian konflik, dan menilai keupayaan memanfaatkan peluang sebagai modal utama dalam membangunkan keselamatan di tanah Papua. Reka bentuk kajian ini adalah menggunakan pendekatan kualitatif dengan meneroka kepentingan dialog sebagai medium untuk mencapai persefahaman, sebagai asas untuk menentukan langkah menyelesaikan masalah. Kajian I Nyoman Sudira menunjukkan persamaan dengan kajian yang dijalankan oleh pengkaji di mana kedua-dua pengkaji menggunakan teori konflik J.W. Burton untuk mengenal pasti punca konflik dan strategi penyelesaian. Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja mengkaji aspek konflik di Tanah Papua, malah turut memberi sumbangan dengan

menekankan peranan penting dialog sebagai asas untuk mencapai persefahaman bersama. Penyelidikan I Nyoman Sudira memberikan pandangan berharga yang membantu pengkaji menyelesaikan masalah dan mencapai objektif kajian mereka.

Kajian dilakukan oleh Sudirman Kiffli (2020) yang bertajuk “*Kehadiran Konflik dalam Teks Syair Siti Zubaidah Perang China*”. Tujuan kajian ini adalah untuk menganalisis secara mendalam kehadiran konflik dalam teks dengan menggunakan pendekatan John W. Burton. Kajian ini mengetengahkan konflik sebagai elemen utama yang menghidupkan karya sastera. Reka bentuk kajian ini adalah dengan menerapkan pendekatan kualitatif, memperoleh hasil yang menunjukkan konflik memainkan peranan penting dalam menghidupkan karya sastera. Kepentingan konflik sebagai unsur yang menghidupkan karya sastera menjadi fokus utama dalam kajian ini. Kajian ini menunjukkan persamaan dengan penyelidikan yang dijalankan oleh pengkaji iaitu beliau menggunakan pendekatan konflik John W. Burton dalam menganalisis teks Syair Siti Zubaidah Perang China manakala pengkaji pula menggunakan pendekatan yang sama untuk menganalisis konflik dalam filem bertajuk *TKVDW*.

Menurut Yayah Fitriyah dan Anggun Puspitasari (2017) dengan artikel jurnal mereka yang bertajuk “*Diplomasi Jepang terhadap Rusia dalam Penyelesaian Sengketa Kepulauan Kuril Selatan Pada Masa Pentadbiran Shinzo Abe (2012-2016)*”. Tujuan kajian ini adalah dengan menjelaskan diplomasi Jepun terhadap Rusia dalam menyelesaikan pertikaian berhubung Kepulauan Kuril Selatan semasa pentadbiran Shinzo Abe (2012-2016). Reka bentuk kajian ini adalah dengan menggunakan kaedah kualitatif di mana kajian ini menghasilkan keputusan yang menonjolkan usaha mengurangkan ketegangan antara Jepun dan Rusia melalui aplikasi teori penyelesaian konflik dan teori diplomasi. Kajian ini

menunjukkan persamaan dengan pengkaji di mana Yayah Fitriyah dan Anggun Puspitasari turut menggunakan teori penyelesaian konflik J.W. Burton untuk menyelesaikan konflik antara Jepun dan Rusia. Persamaan ini muncul dalam konteks penggunaan teori konflik J.W. Burton oleh pengkaji dalam menganalisis jenis konflik dan penyelesaiannya melalui filem *TKVDW*. Secara keseluruhannya, kajian ini bukan sahaja meneroka diplomasi Jepun-Rusia berhubung Kepulauan Kuril Selatan, tetapi juga memberi sumbangan dengan mengetengahkan perkaitan teori penyelesaian konflik dalam konteks hubungan dua hala. Kajian Yayah Fitriyah dan Anggun Puspitasari dianggap dapat membantu penyelidik dalam menangani masalah kajian dan mencapai objektif kajian mereka.

UNIVERSITI  
KELANTAN

## BAB 3

### METODOLOGI KAJIAN

#### 3.0 Pengenalan

Pada bahagian metodologi adalah di mana pendekatan, kaedah dan prosedur yang digunakan dalam menjalankan penyelidikan disebut secara kolektif sebagai metodologi penyelidikan. Ia membantu dalam mengatur kajian secara berkaedah dan memastikan tumpuan dalam proses mencapai matlamat yang telah ditetapkan. Metodologi yang digunakan untuk penyelidikan ini akan dibincangkan dalam bab ini. Pengkaji telah menyusun dengan teliti pendekatan dan strategi kajian yang akan digunakan untuk mengumpul maklumat melalui pelbagai cara yang bersesuaian. Kepentingan metodologi penyelidikan terletak pada hakikat bahawa ia menjamin bahawa penyelidikan berkenaan menggunakan prosedur yang paling tepat dan paling berjaya dalam menjawab permasalahan kajian.

Pendekatan kualitatif, yang merujuk kepada kajian yang tidak boleh dinyatakan dalam bentuk data kuantitatif, akan menjadi kaedah penyelidikan utama untuk kajian ini. Ia memerlukan ciri-ciri yang memerlukan pemerhatian yang teliti dan data yang dikumpul melalui penjelasan lisan, yang kedua-duanya tidak dapat dianalisis dalam bentuk berangka. Oleh sebab itu, data kualitatif yang dikumpul untuk kajian ini akan disediakan dalam bentuk analisis teks filem. Rangka kerja teori, rujukan kepustakaan, sumber internet, dan analisis filem semuanya akan dimasukkan ke dalam pendekatan penyelidikan yang digunakan dalam kajian ini.

### 3.1 Reka Bentuk Kajian

Kaedah kualitatif digunakan dalam reka bentuk kajian untuk menyelidik isu-isu yang berlaku kepada masyarakat. Tujuan kajian ini adalah untuk mengkaji bagaimana konflik-konflik dikemukakan dalam karya sastera. Reka bentuk kajian ini penting untuk memastikan pencapaian objektif kajian dan memberikan jawapan kepada persoalan yang dikaji. Oleh itu, kaedah kualitatif adalah yang sesuai untuk reka bentuk kajian ini. Kaedah kualitatif melibatkan pengumpulan data melalui sumber-sumber kepustakaan, sumber internet, dan analisis filem dengan melalui proses pemerhatian.

#### 3.1.1 Kaedah Kualitatif

Kaedah kualitatif digunakan secara meluas untuk penyelidikan ini. Berbeza dengan kajian kuantitatif, penyelidikan kualitatif mencari pemahaman yang lebih mendalam tentang fenomena dengan menggunakan kaedah yang tidak bergantung pada statistik (Strauss & Corbin, 1998). Kaedah kualitatif digunakan untuk mengumpul maklumat deskriptif, seperti temu bual dan diari bertulis/lisan (Bogdan & Taylor, 1975).

Matlamat setiap kajian kualitatif adalah untuk menjalankan penyelidikan yang mendalam tentang sesuatu fenomena (Johnson, 1995). Selain itu, menurut Marshall dan Rosmann (1989), penyelidikan kualitatif lazimnya menjana sejumlah besar persoalan dan kesukaran hasil daripada pemerhatian yang dibuat, serta dilema dan persoalan yang datang dari dunia sebenar dan dalam bentuk pertanyaan

menyeluruh. Majoriti penyelidik kualitatif berpendapat bahawa meletakkan sesuatu fenomena dalam keadaan yang betul adalah kaedah yang paling berkesan untuk memahaminya.

Oleh kerana penyelidikan ini menyelidiki fenomena yang terdapat dalam teks sastera, ia dijalankan menggunakan kaedah kualitatif. Hasilnya, penyelidikan ini menggunakan kajian kualitatif dengan mengumpul data melalui pelbagai pendekatan seperti menggunakan perpustakaan, internet, dan analisis teks filem. Bagi membuat rumusan daripada kajian isu masyarakat yang digambarkan dalam filem Sunil Soraya *TKVDW*, bahan tersebut akan dikaji menggunakan data kualitatif yang telah diperolehi.

### **3.2 Instrumen Kajian**

#### **3.2.1 Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data merupakan hasil daripada proses kajian yang telah dijalankan dengan menitikberatkan objektif penyelidikan ini. Dalam kajian ini, pengkaji telah menggunakan pelbagai sumber maklumat primer dan sekunder sebagai asas untuk melakukan penilaian menyeluruh dan memilih bidang tumpuan yang layak untuk dijalankan analisis.

### a. Data Primer

Data penyelidikan primer ialah data yang menyampaikan maklumat terus dari sumber, tanpa melalui apa-apa jenis medium perantara. Dalam konteks perbincangan ini, data primer merujuk kepada penyelidikan yang melibatkan pemerhatian secara langsung bagi tujuan mendapatkan maklumat yang kemudiannya boleh dinilai oleh penyelidik. Di bawah data primer ini, pengkaji mendapatkan data tentang aspek konflik yang terdapat dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2013) karya Sunil Soraya dengan memerhati secara langsung kandungan filem tersebut.



**Gambar 1:** Poster Filem *TKVDW* (2013)

### b. Data Sekunder

Istilah data sekunder merujuk kepada mana-mana penyelidikan yang datang daripada sumber yang tidak menawarkan penyelidik dengan data secara langsung. Ini kerana data sekunder memerlukan penggunaan bahan

rujukan tertentu sebagai tempat rujukan. contohnya, seperti internet, buku tentang imiah, jurnal, dan sumber lain yang serupa.

### i. Kaedah Kepustakaan

Istilah kaedah kepustakaan merujuk kepada aktiviti yang dijalankan oleh pengkaji untuk menyusun pengetahuan yang berkaitan dengan subjek atau isu yang akan diteliti atau sedang diteliti. Dalam kajian ini, kajian perpustakaan telah dijalankan di Universiti Malaysia Kelantan dan perpustakaan awam negeri Kelantan untuk mendapatkan maklumat daripada buku ilmiah, laporan penyelidikan, eseai ilmiah, tesis dan artikel. Jenis sumber bertulis lain termasuk buku tahunan, dan sumber sumber bertulis yang berkaitan dengan isu filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan teori konflik. Kajian literatur yang ingin digunakan boleh membantu dengan melakukan pencarian teori yang ingin digunakan. Penyelidikan ini menggunakan sumber kepustakaan secara meluas untuk menyusun sebanyak mungkin maklumat yang berkaitan mengenai subjek penyelidikan ini. Oleh sebab itu, kajian kepustakaan tidak dapat dipisahkan daripada proses menjalankan penyelidikan.

### ii. Kaedah internet

Kaedah internet adalah cara yang luar biasa dan utama untuk penyelidik mencari maklumat mengenai kajian yang dijalankan kerana

sumber internet adalah salah satu kaedah yang mudah dalam memperoleh maklumat. Oleh itu, kaedah untuk mengumpul data dan bahan tambahan yang boleh didapati di internet digunakan dalam kajian ini. Contohnya, carian yang dijalankan di laman web akademik seperti *Academia, Google Scholar, Researchgate* dan lain-lain telah menghasilkan maklumat yang berkaitan dengan kajian dan boleh memberikan sokongan dalam kajian. Selain itu, bahan kajian ini boleh ditambah dengan rujukan kajian lanjutan yang boleh diakses secara atas talian. Beberapa contoh sumber tersebut ialah akhbar dan artikel. Ia juga mungkin untuk mendedahkan penerbitan penyelidikan lama yang berkaitan dengan isu komuniti, filem *TKVDW* dan teori konflik melalui kaedah ini, yang boleh membantu untuk menggunakan bahan tersebut sebagai bahan rujukan semasa membuat laporan penyelidikan. Di samping itu, menggunakan internet sebagai alat penyelidikan membantu dalam mencari maklumat tentang individu yang telah menghasilkan filem *TKVDW* dan memberikan bantuan dalam memahami ringkasan plot filem tersebut. Data baharu dan kesimpulan kajian yang diperolehi dalam kajian ini boleh diperkuuhkan dengan ketara dengan bantuan maklumat tambahan yang diperoleh melalui kaedah ini.

### iii. Analisis Kandungan Filem

Selain daripada menggunakan kaedah-kaedah yang telah disebutkan sebelum ini, pengkaji turut melaksanakan pemerhatian terhadap filem adaptasi yang dihasilkan daripada karya sastera. Sebagai contoh, filem

adaptasi *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2013) telah menjadi subjek pemerhatian pengkaji. Melalui analisis filem ini, pengkaji dapat mengenali pentingnya mengangkat karya sastera ke dalam medium filem. Pemerhatian tersebut memberi perspektif baru dalam memahami kesan dan kekuatan adaptasi sastera ke dalam bentuk visual dan audio. Penelitian ini menunjukkan betapa relevannya penggunaan medium filem dalam meresapkan keindahan dan pesan-pesan karya sastera kepada penonton dengan cara yang unik dan memikat.

#### iv. Audio Visual

Selain itu, penggunaan medium audio visual juga merupakan salah satu kaedah yang digunakan untuk memperoleh maklumat yang berkaitan dengan unsur konflik dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2013). Dalam kajian ini, penggunaan medium audio visual telah dipilih untuk menganalisis filem *TKVDW* sebagai objek kajian. Pendekatan ini memungkinkan pengkaji untuk secara lebih terperinci menyelidiki penggunaan elemen audio dan visual dalam menggambarkan konflik yang ada dalam filem tersebut. Melalui pengamatan visual dan pendengaran buniyi, pengkaji dapat melihat dan mendengar secara langsung bagaimana konflik diungkapkan dan dipaparkan melalui persembahan visual dan audio dalam filem tersebut. Kebergantungan pada medium audio visual dalam kajian ini membolehkan pengkaji untuk memperoleh wawasan yang lebih

mendalam tentang bagaimana konflik diwujudkan dan dipaparkan dalam konteks visual dan bunyi.

### **3.2.2 Kaedah Analisis Tekstual**

Penggunaan kaedah analisis Tekstual merupakan satu komponen penting dalam proses pengumpulan data bagi penyelidikan ini. Kaedah ini melibatkan analisis yang terperinci terhadap huraian objektif yang terdapat dalam komunikasi yang dicetak, digambarkan, dan disiarkan. Kepentingan menggunakan sumber teks yang sah dan diperakui juga sangat ditekankan. Melalui kaedah analisis Tekstual ini, data yang dianalisis memberikan maklumat yang relevan dan sah mengenai isu dan masalah yang sedang dikaji. Kelebihan kaedah ini terletak pada kemudahan pengkaji untuk memperoleh maklumat yang diperlukan dalam menyusun kajian, di mana setiap maklumat diperoleh melalui analisis yang dilakukan oleh penyelidik lain. Keputusan analisis ini juga sulit untuk dimanipulasi. Terdapat beberapa jenis dokumen yang digunakan oleh pengkaji untuk analisis, termasuk dokumen ilmiah, diari, jurnal, metodologi pengajaran dan pembelajaran, serta banyak lagi.

### **3.2.3 Kaedah Analisis Teoretikal**

Penyelidikan ini melibatkan penggunaan analisis teori sebagai suatu pendekatan yang digunakan untuk menerapkan konsep-konsep teoritikal dalam proses penyelidikan yang dilakukan oleh pengkaji. Penggunaan teori yang relevan dengan topik kajian ini memerlukan kepakaran dan pengetahuan khusus dari

pengkaji untuk mengaplikasikan teori dengan tepat. Kaedah analisis teori ini berfungsi untuk memperkuat dan memperdalam penyelidikan yang sedang dilakukan. Teori dalam konteks ini berfungsi sebagai kerangka penjelasan atau konstruksi konseptual yang membantu dalam memahami bagaimana suatu sistem beroperasi, mengapa suatu peristiwa atau fenomena terjadi, dan faktor apa yang menyebabkannya berlaku. Dalam konteks penyelidikan ini, teori konflik yang dikemukakan oleh J.W. Burton digunakan sebagai alat analisis untuk mengkaji berbagai bentuk konflik yang terdapat dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Dengan menggunakan teori konflik ini, pengkaji dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang aspek-aspek konflik yang ada dalam filem tersebut.

### 3.3 Penerapan Teori Konflik J. W. Burton

Teori konflik yang dikemukakan oleh J.W. Burton ialah kerangka teori yang digunakan untuk memahami sifat dan dinamik konflik dalam hubungan antara individu, antara kumpulan, atau antara negara. Teori ini merujuk kepada faktor-faktor yang menyebabkan konflik, cara konflik berkembang, dan usaha yang boleh dilakukan untuk mengurus atau menyelesaikan konflik.

Menurut teori konflik Burton, konflik timbul akibat ketidakseimbangan kuasa, persaingan ke atas sumber yang terhad, perbezaan nilai, atau perselisihan dalam matlamat atau tindakan. Konflik juga boleh disebabkan oleh ketidakadilan, ketidaksamaan, atau perbezaan kepentingan antara pihak yang terlibat.


Salah satu aspek utama dalam teori konflik Burton ialah pemahaman tentang sumber konflik. Menurut teori ini, konflik boleh timbul disebabkan oleh persaingan ke atas sumber yang terhad, perbezaan kepentingan dan matlamat, perbezaan nilai, atau ketidaksamaan dalam pengagihan kuasa. Konflik juga boleh disebabkan oleh ketidakadilan, ketidakpuasan hati, atau perbezaan persepsi mengenai hak dan kepentingan setiap pihak.

Teori konflik ini melihat konflik sebagai satu proses yang dinamik, di mana konflik boleh meningkat atau diselesaikan bergantung kepada interaksi antara pihak yang terlibat. Teori ini juga mengiktiraf bahawa konflik boleh memberi kesan positif atau negatif, bergantung kepada bagaimana konflik itu diurus dan ditanggapi oleh pihak yang terlibat.

Burton juga mengenal pasti tiga dimensi utama konflik, iaitu dimensi vertikal, dimensi horizontal, dan dimensi khas. Dimensi vertikal berkaitan dengan konflik yang timbul daripada ketidaksamaan sosial, politik atau ekonomi antara pihak yang terlibat. Dimensi horizontal berkaitan dengan konflik yang timbul akibat perbezaan minat, nilai atau matlamat antara pihak yang berinteraksi. Sementara itu, dimensi khas berkaitan dengan konflik yang berkaitan dengan perbezaan dalam wilayah, wilayah atau tuntutan terhadap sumber.

Dalam konteks kajian tentang bentuk konflik dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*, J.W. Burton boleh digunakan untuk menganalisis dan memahami aspek konflik dalam cerita dan hubungan antara watak dalam filem. Melalui penerapan teori konflik, pengkaji dapat mengenal pasti faktor-faktor yang menyebabkan konflik, memahami corak perkembangan konflik, dan usaha yang dilakukan oleh watak dalam menangani konflik tersebut.

### 3.4 Kerangka Reka Bentuk Kajian



Rajah 2: Kerangka Reka Bentuk Kajian

### 3.5 Kesimpulan

Bab ini secara menyeluruh memberikan penjelasan terperinci mengenai metodologi kajian yang diterapkan, termasuk kaedah analisis data, kaedah pemerhatian filem, dan kaedah teorikal yang digunakan. Metodologi kajian ini diterangkan dengan lengkap untuk memberikan pemahaman yang mendalam tentang pendekatan yang diambil dalam proses penyelidikan. Selain itu, bab ini juga menerangkan teori konflik yang dikemukakan oleh J. W. Burton sebagai landasan teoritis dalam analisis kajian. Dalam mempelajari metodologi kajian ini, pengkaji telah berusaha sepenuhnya untuk mematuhi dan mengikuti setiap langkah dan prosedur yang telah ditetapkan. Tujuan utama pengkaji adalah untuk memastikan kajian ini mencapai matlamat yang telah ditetapkan dengan efektif. Dengan mengamalkan metodologi yang disusun dengan teliti, pengkaji dapat memastikan bahawa setiap aspek kajian dijalankan secara sistematik dan mendalam. Selain itu, pengkaji telah membuat pilihan yang berkesan dengan menggunakan teori konflik yang dikemukakan oleh J. W. Burton dalam menganalisis filem *TKVDW*. Dengan mengaplikasikan teori konflik ini, pengkaji dapat mengungkapkan dan meneroka pelbagai bentuk konflik yang ada dalam filem tersebut. Hal ini memberikan pandangan yang lebih mendalam dan kajian yang lebih menyeluruh terhadap aspek konflik dalam konteks filem tersebut. Dengan menggunakan kaedah metodologi yang tepat dan mengaplikasikan teori konflik yang relevan, pengkaji berharap bahawa kajian ini dapat memberikan sumbangan yang signifikan dalam pemahaman dan analisis filem *TKVDW*. Melalui pendekatan yang sistematik dan terperinci, pengkaji berharap kajian ini akan memberikan wawasan baru dan pemahaman yang lebih mendalam terhadap isu-isu yang dikaji dalam konteks filem tersebut.

## BAB 4

### DAPATAN KAJIAN

#### 4.0 Pengenalan

Bab ini akan memperincikan analisis mendalam yang diperoleh melalui kajian yang teliti terhadap filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* arahan Sunil Soraya. Berdasarkan dua objektif utama kajian, yang pertama adalah mengenal pasti pelbagai jenis konflik yang dimanifestasikan dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* dan yang kedua pula adalah menganalisis kaedah-kaedah penyelesaian konflik yang dikemukakan dalam filem dengan merujuk kepada teori J.W Burton.

Filem ini bukan sahaja merakamkan peristiwa sejarah *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* yang benar-benar berlaku di Indonesia, malah turut membuka ruang untuk renungan mendalam tentang aspek kompleks cerita. Filem ini bukan sahaja mengenai kisah percintaan tragis antara dua watak utama iaitu Zainuddin dan Hayati, malah turut mendedahkan pelbagai aspek lain yang melibatkan kepercayaan, adat dan tradisi masyarakat setempat, serta gaya hidup yang menentukan perjalanan hidup mereka.

Melalui penelitian terhadap aspek-aspek tersebut, filem ini menjadi wadah untuk merenung nilai-nilai budaya yang mendasari kehidupan watak-watak utama. Pengaruh dengan cemerlang membawa penonton mengembara ke norma dan adat sosial yang memberi warna kepada kehidupan seharian watak-watak ini. Ini bukan sahaja memperkayakan pengalaman menonton, malah membuka mata penonton terhadap kepelbagai dan kerumitan masyarakat tempatan ketika itu. Berdasarkan pandangan ini, kita dapat memahami dengan lebih baik bagaimana filem itu bukan sahaja menjadi

tumpuan sejarah tragis, tetapi juga medium yang meneroka dan menyampaikan aspek budaya dan masyarakat yang membentuk watak dan tindakan watak-wataknya.

Objektif utama kajian ini adalah untuk meneliti pelbagai jenis konflik yang melibatkan watak utama. Seperti yang dinyatakan oleh J.W Burton (1990), yang merupakan seorang tokoh dengan pandangannya bahawa konflik bukan sahaja terhad kepada romantik, tetapi juga melibatkan dalam dinamik keluarga dan komuniti yang timbul daripada perbezaan nilai serta keputusan yang sukar terhadap trajedi yang berlaku dalam perhubungan. Pendapat ini mencerminkan pandangan yang mendalam tentang konflik dan merupakan asas untuk pemahaman lebih lanjut dalam penelitian ini. Selain itu, objektif kedua kajian ini adalah untuk membuka ruang menganalisis lebih mendalam tentang kaedah untuk menyelesaikan konflik yang digambarkan dalam filem. Pendekatan teori konflik J.W Burton dipilih untuk mengkaji lapisan jalan penyelesaian konflik yang dapat dikenal pasti dalam konteks filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*.

Tambahan pula, dengan memberi penekanan khusus kepada elemen komunikasi, dapat dilihat bahawa pendekatan ini mendedahkan percubaan sebenar untuk menyelesaikan ketegangan dan konflik yang timbul antara watak utama. Analisis aspek komunikasi menyerlahkan bagaimana komunikasi berfungsi sebagai alat yang berkesan dalam mengurangkan ketegangan dan mendamaikan jurang dalam konflik, menghidupkan pemahaman mendalam tentang dinamik hubungan kompleks dalam naratif filem.

Fokus yang diberikan kepada dinamik konflik dan penyelesaiannya, dapat dilihat akan kejayaan pengarah Sunil Soraya menerokai kerumitan cerita ini ke skrin besar. Analisis ini membuka ruang untuk memahami bagaimana elemen budaya, norma sosial, dan perjuangan hidup dalam masyarakat merupakan komponen penting dalam penceritaan

yang melangkaui sekadar kisah cinta antara dua watak utama. Oleh itu, bab ini menghuraikan pandangan dan pemahaman yang lebih mendalam tentang struktur naratif dan makna yang melangkaui lebih dari tragedi romantis.

#### 4.1 Dapatan Kajian

Analisis yang mendalam terhadap kajian boleh diperolehi melalui pemerhatian filem Indonesia yang berjudul *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* arahan Sunil Soraya. Dalam analisis ini, pelbagai jenis konflik yang didedahkan dalam naratif filem akan dibincangkan secara terperinci. Beberapa jenis konflik yang akan dibincangkan termasuklah konflik intrapersonal yang melibatkan perjuangan dan konflik dalam jiwa watak utama, konflik interpersonal yang melintasi hubungan antara watak, konflik antara kumpulan yang menonjolkan ketegangan dalam struktur sosial dan konflik antara negara yang mungkin dicerminkan melalui peristiwa politik dan latar belakang dalam filem.

Melalui pendekatan ini, dapat difahamkan dengan lebih mendalam tentang kerumitan konflik yang melibatkan hubungan antara watak, struktur masyarakat, dan aspek politik dalam konteks filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck*. Analisis ini memberi peluang untuk merenung tentang kekayaan naratif filem dan meneroka implikasi konflik yang dihadapi oleh watak utama dalam konteks yang lebih luas. Dengan pemerhatian ini, dapat difahami bahawa konflik dalam filem bukan sahaja menyumbang kepada perkembangan plot, tetapi juga mencerminkan realiti kehidupan dan dinamik hubungan sosial.

## 4.2. Jenis-Jenis Konflik Di Dalam Filem Tenggelamnya *Kapal Van Der Wijck*

### 4.2.1 Konflik Intrapersonal

Konflik intrapersonal merupakan satu bentuk konflik dalaman, termasuk konflik yang berlaku dalam diri seseorang antara pelbagai keperluan, nilai, atau dorongan. Proses ini melibatkan konflik di pelbagai peringkat dan aspek seperti emosi, nilai, kepercayaan, atau matlamat peribadi yang boleh menjadi punca masalah. Ciri-ciri konflik intrapersonal termasuk nilai yang bercanggah, perasaan emosi yang bercanggah, dan keputusan yang bercanggah. Konflik intrapersonal, sebagai medan pertempuran dalaman, membawa unsur-unsur kerumitan dan cabaran yang mendalam. Dalam menjelaskan konflik intrapersonal, teori J.W. Burton ialah panduan utama untuk memahami lapisan kompleks konflik ini.

Burton menonjolkan konflik intrapersonal sebagai konflik dalam diri individu antara nilai yang bercanggah. Dalam konteks percanggahan nilai, individu seperti watak utama dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2013) mungkin berdepan dengan dilema antara mencapai kejayaan kerjaya dan meluangkan masa yang mencukupi untuk keluarga. Pandangan Burton membawa pemahaman tentang tekanan sosial dan keinginan peribadi yang boleh menyebabkan konflik intrapersonal.


Emosi yang bercanggah juga ditekankan oleh Burton sebagai elemen utama dalam konflik intrapersonal. Teori konflik Burton menerangkan bagaimana tekanan untuk mencapai kejayaan kerjaya boleh membawa kepada perasaan tertekan,

manakala kekurangan masa bersama keluarga boleh menyebabkan perasaan bersalah. Ini mencerminkan ketegangan emosi yang biasa berlaku dalam konflik intrapersonal.

Tambahan pula, Burton menyatakan bahawa konflik intrapersonal tidak selalunya mempunyai penyelesaian yang jelas. Konsep ini menjelaskan bahawa pemahaman diri yang mendalam dan refleksi berterusan adalah perlu untuk mengharungi cabaran ini. Dengan merujuk kepada teori Burton, kita dapat melihat bahawa konflik intrapersonal bukan hanya masalah konflik dalaman, tetapi juga cerminan tuntutan sosial yang sering kompleks.

Oleh sebab itu, konflik intrapersonal bukan sahaja menggambarkan pergolakan dalam diri seseorang tetapi juga mencerminkan penentangan terhadap norma dan nilai dalam masyarakat. Dalam filem atau dalam kehidupan sebenar, konflik intrapersonal adalah elemen kritikal dalam pembangunan watak dan plot yang mendalam dan menarik.

Antara konflik intrapersonal yang terdapat dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* ialah yang dapat digambarkan melalui tangkap layar berikut.



**Gambar 2:** Tangkap Layar babak Zainuddin pergi ke tempat asal-usul keluarganya

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 2:20)

Konflik intrapersonal yang dialami Zainuddin dalam minit 2:20 melalui filem *TKVDW* (2013) menyerlahkan keresahan dan keinginan mendalamnya untuk menerokai asal usul keluarganya di Batipuh, Padang. Dalam babak ini, Zainuddin bergelut dengan persoalan mendalam berhubung identiti dan akar warisan keluarganya. Keinginannya untuk mengetahui lebih lanjut tentang asal usulnya menunjukkan pencarian identiti yang bersifat introspektif dan menimbulkan konflik emosi. Zainuddin berdepan dengan konflik antara masa depan yang diimpikan dan tanggungjawabnya terhadap warisan keluarganya. Keputusan untuk mencari asal usulnya merupakan peristiwa penting dalam perjalanan wataknya, menjalin konflik dalaman yang melibatkan rasa ingin tahu, tanggungjawab kekeluargaan, dan aspirasi peribadi.

Dalam konteks ini, filem ini meneroka aspek kecerdasan emosi Zainuddin, di mana keinginan untuk mengetahui asal usulnya menjadi proses pembelajaran dan pertumbuhan peribadi. Konflik intrapersonal ini memberikan lapisan emosi yang mendalam dan memperkayakan keseluruhan naratif filem, menggambarkan perjuangan Zainuddin untuk memahami dirinya dan tempatnya dalam konteks sejarah dan keluarga.




**Gambar 3:** Tangkap Layar babak Hayati bergelut dengan perasaan sendiri  
(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 9:00)

Dalam babak Zainuddin memberi payung kepada Hayati dalam filem *TKVDW* (2013), Hayati mengalami konflik intrapersonal yang mendalam. Hayati, sebagai watak utama wanita berada di persimpangan antara keinginan peribadi dan tanggungjawab sosial yang kuat.

Pertama sekali, tindakan Zainuddin memberi payung boleh difahami sebagai lambang perhatian dan kasih sayang. Ini mungkin membangkitkan perasaan positif dan cinta dalam Hayati. Namun, sebaliknya Hayati menyedari hubungannya dengan Zainuddin bertentangan dengan norma sosial dan nilai kekeluargaan. Sebagai wanita dalam masyarakat konservatif, Hayati merasakan bebanan yang berat untuk akur dengan harapan keluarganya dalam memilih pasangan hidup. Pemberian payung Zainuddin menjadi lambang perbezaan status sosial yang boleh mengundang penolakan daripada keluarganya.

Dalam konflik intrapersonalnya, Hayati merasakan dilema antara mendengar luahan hati yang menyuruhnya mengikut perasaan terhadap Zainuddin, dan tanggungjawab sosialnya untuk mematuhi norma yang ada dalam keluarganya. Konflik ini menimbulkan ketegangan emosi dan kekeliruan dalam diri Hayati. Selain itu, Hayati juga mungkin mengalami kebimbangan tentang akibat keputusannya, termasuk kemungkinan penolakan daripada keluarganya, stigma sosial, dan pengasingan. Kesemua pertimbangan ini menambahkan lagi kerumitan konflik intrapersonal yang dihadapi oleh Hayati.

Dalam konteks ini, adegan itu menjadi lapisan emosi yang kaya dan memberikan peminat pemahaman yang mendalam tentang pertempuran dalam Hayati antara cinta dan tanggungjawab sosialnya. Penonton dibawa menyelami pergolakan emosi Hayati dan merenung cabaran kompleks yang dihadapi wanita dalam menentukan identiti dan nasib mereka dalam masyarakat yang dipenuhi dengan norma dan harapan sosial.



**Gambar 4:** Tangkap Layar babak Zainuddin bertemu Hayati sebelum meninggalkan Batipuh

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 21:45)

Babak ini menceritakan watak Zainuddin, sebagai protagonis utama dalam filem *TKVDW* (2013), berdepan konflik intrapersonal yang rumit apabila dia mendapati dirinya berada di persimpangan jalan yang memerlukan keputusan segera iaitu meninggalkan Batipuh, tempat kelahirannya. Zainuddin juga telah bertemu Hayati buat kali terakhir sebelum meneruskan perjalanan dalam filem mengalami konflik intrapersonal yang mendalam. Pelbagai emosi dan pertimbangan bermain di fikirannya, mewujudkan keadaan psikologi yang kompleks dan mengelirukan.

Hal ini kerana, terdapat rasa kehilangan dan kesedihan yang sangat kuat dimana Zainuddin baru sahaja berpindah ke Batipuh untuk lebih mengenali asal-

usul keluarganya, namun terpaksa meninggalkan kawasan tersebut. Hal ini sekaligus belum memberikan sepenuhnya kepada Zainuddin untuk mengenali identiti keluarganya. Ini menyebabkan Zainuddin terpaksa berhadapan dengan kenangan manis dan pahit, serta hubungan emosi yang telah berkembang selama ini. Dengan ini dapat dilihat bahawa emosi kekecewaan dengan nasib seseorang dan kehilangan akar budaya seseorang menambah tekanan tambahan kepada konflik intrapersonal.

Namun begitu, terdapat keseronokan dan harapan baru yang timbul dengan peluang masa depan yang tidak diketahui. Walaupun dihantui kesedihan meninggalkan Batipuh, Zainuddin membawa impian dan peluang baharu untuk membina kehidupan yang lebih baik. Keinginan untuk mencari kebahagiaan dan kehidupan yang lebih baik di luar Batipuh menimbulkan keseronokan bercampur dengan ketidakpastian tentang perubahan besar dalam hidupnya.

Di samping itu, konflik intrapersonal juga mencapai kemuncaknya apabila Zainuddin bertemu Hayati buat kali terakhir. Perasaan cinta dan keterikatan emosi terhadap Hayati bercanggah dengan tanggungjawab sosial dan keluarga di Batipuh. Keputusannya untuk berpisah dengan Hayati memerlukan pengorbanan yang besar dan bertentangan dengan norma sosial sedia ada.

Pertempuran antara kehilangan, kesedihan, kegembiraan dan tanggungjawab sosial mewujudkan ketegangan emosi yang luar biasa dalam diri Zainuddin. Ia mencerminkan konflik intrapersonal yang kompleks dalam jiwa watak utama, menonjolkan sensitiviti dan kedalaman watak yang dipersembahkan dalam filem itu. Secara keseluruhannya, konflik intrapersonal Zainuddin menjadi

pemangkin untuk memahami dinamik watak utama dan menghidupkan plot. Konflik antara kepentingan peribadi dan tanggungjawab sosial, bersama-sama dengan konflik antara emosi dan identiti, membentuk asas emosi yang mendalam dalam perkembangan watak ini.



**Gambar 5:** Tangkap Layar babak Zainuddin bergelut dengan perasaan  
(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 41:20)

Dalam babak ini, Zainuddin memandang Hayati dari bawah pentas semasa Hayati berkumpul dengan rakan-rakannya dan Aziz dalam filem *TKVDW* (2013), Zainuddin mungkin menghadapi konflik intrapersonal yang kompleks.

Zainuddin mengalami kekeliruan dan keresahan emosi yang mendalam. Pandangan dari bawah mungkin menimbulkan perasaan rendah diri yang menimbulkan rasa tidak puas hati dan kekurangan diri. Zainuddin sedang bergelut dengan konflik rumit antara cinta pertamanya terhadap Hayati dan perasaan tidak puas hati dan ketidakselesaan yang mungkin melibatkan norma sosial dan ekonomi. Konflik ini mewujudkan keadaan emosi yang kompleks dalam dirinya, memerlukan pertimbangan yang teliti terhadap nilai, keinginan peribadi, dan realiti kehidupan yang merupakan sebahagian daripada konflik emosi yang dialaminya.

Selain itu, Zainuddin mengalami keadaan emosi yang keliru antara keinginan untuk lebih dekat dengan Hayati dan realiti bahawa hubungan mereka mungkin melibatkan halangan sosial atau ekonomi. Konflik intrapersonal menimbulkan persoalan tentang keberanian untuk mengambil langkah mendekati Hayati atau memilih untuk menghadapi kemungkinan penolakan dan pandangan masyarakat. Babak ini mungkin memberi peluang kepada Zainuddin untuk merenung perasaan sebenar terhadap Hayati dan sejauh mana dia sanggup mengharungi rintangan dan cabaran untuk mencapai hubungan yang diimpikan. Konflik intrapersonal ini menunjukkan kedalaman perasaan dan perjuangan dalaman Zainuddin dalam menjalani hubungan rumitnya dengan Hayati.



**Gambar 6:** Tangkap Layar babak Hayati bingung untuk memilih Zainuddin atau Aziz

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 48:00)


Pada minit ke-48 filem *TKVDW* (2013), Hayati mengalami konflik intrapersonal yang kompleks, memandangkan keinginan dan tanggungjawab peribadinya terhadap norma dan harapan keluarganya. Hayati berada di persimpangan antara cintanya kepada Zainuddin dan tanggungjawab sosialnya terhadap keluarganya.

Hayati sebagai watak utama wanita mengalami konflik antara cinta kepada Zainuddin kerana Zainuddin merupakan seorang yang boleh mendorongnya untuk mengejar kebahagiaan dalam hidupnya sendiri. Namun, tanggungjawabnya terhadap norma dan harapan keluarga juga menimbulkan beban moral yang berat kepada norma sosial dan nilai kekeluargaan. Keputusan yang mungkin diambilnya untuk meneruskan hubungan dengan Zainuddin mungkin bertentangan dengan harapan dan jangkaan keluarganya yang menjunjung tradisi dan nilai konservatif serta mengharapkan agar Hayati memilih pasangan hidup yang telah mematuhi norma sosial yang ditetapkan.

Dalam konflik intrapersonalnya, Hayati merasakan beban emosi dan moral yang berat. Keinginannya untuk mengikut kata hati dan mengejar kebahagiaan peribadi bercanggah dengan tanggungjawabnya sebagai ahli keluarga yang diharapkan mematuhi norma sosial yang ditetapkan. Hayati juga akan bergelut dengan soalan yang sukar seperti sejauh manakah dia sanggup mempertaruhkan hubungan dengan keluarganya. Pilihannya mencerminkan konflik antara keinginan hati dan tanggungjawab keluarga.

Konflik ini boleh menimbulkan keraguan, ketidakpastian, dan perasaan bersalah dalam diri Hayati. Penolakan daripada keluarga atau masyarakat sendiri boleh menambah tekanan kepada proses membuat keputusan.

Malah, dalam masa babak ini, Hayati mungkin berada dalam perjuangan dalaman yang mendalam, mencari keseimbangan antara keinginan peribadi dan mengekalkan hubungan baik dengan keluarga dan masyarakat. Hal ini kerana, keputusan yang dilakukan olehnya mencerminkan bahawa besarnya pengorbanan dan keberanian yang diperlukan untuk melangkah keluar dari norma sosial yang ada. Konflik intrapersonal ini memainkan peranan penting dalam memahami perjuangan dan cabaran emosi yang dihadapi Hayati dalam membangunkan plot filem tersebut.




**Gambar 7:** Tangkap Layar babak Zainuddin dilanda penderitaan dan kesakitan

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 59:00)

Pada minit ke-59 filem *TKVDW* (2013), Zainuddin mengalami konflik intrapersonal yang kompleks dan mengejutkan selepas mengetahui Hayati telah berkahwin dengan Aziz dan menolak lamarannya. Konflik ini mencerminkan gelombang emosi yang melibatkan kekecewaan, penolakan, dan penderitaan emosi. Zainuddin sedang bergelut dengan perasaan kehilangan yang mendalam, di mana impiannya untuk bersama Hayati musnah dan digantikan dengan realiti pahit. Konflik intrapersonal ini boleh menyebabkan kekeliruan emosi, menjerat perasaan cinta yang tidak berbalas dan mendorong Zainuddin ke dalam keadaan fikiran yang bercelaru.

Selain itu, Zainuddin berhadapan dengan konflik identiti dan harga diri. Penolakan Hayati menimbulkan ketidakpastian tentang nilai dirinya dan mencetuskan perasaan rendah diri. Persoalan tentang nilai dan tempat sebenar seseorang dalam perhubungan meresap konflik intrapersonal ini. Babak ini mencetuskan penerokaan mendalam tentang perasaan Zainuddin, menunjukkan keadaan dalaman Zainuddin yang rumit dan goyah. Konflik intrapersonal ini menjadi kemuncak dramatik dalam perkembangan watak Zainuddin, menjadi asas kepada perjalanan emosinya sepanjang naratif filem itu.



**Gambar 8:** Tangkap Layar babak Zainuddin memandang Hayati dari jauh  
(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), minit 115:00)

Pada minit ke-115 filem *TKVDW* (2013), Zainuddin berdepan konflik intrapersonal yang membangkitkan perasaan dan merangkumi dimensi emosi yang sangat mendalam. Melalui babak ini, Zainuddin sedang bergelut dengan perasaan cinta terpendam terhadap Hayati yang masih belum reda. Melihat Hayati dari jauh membangkitkan kenangan bahagia dan perasaan cinta yang tidak dapat dipadamkan, mewujudkan konflik antara keinginan untuk mengekalkan hubungan dan realiti kehidupan yang berubah. Namun, Zainuddin tidak tahu cara bagaimana untuk meluahkan kepada Hayati tentang perasaannya yang muncul menyebabkan Zainuddin hanya memandang dari jauh tanpa disedari oleh Hayati.

Zainuddin sedang bergelut dengan nostalgia cinta yang belum pupus dan rindu yang mungkin terus membara di dalam hatinya. Melihat Hayati telah mengimbau kembali detik-detik manis yang mereka kongsi bersama, mengukuhkan ikatan emosi yang masih wujud. Kedua, dalam situasi melihat Hayati dari jauh ini, Zainuddin menghadapi perbualan dalaman tentang mengimbangi cinta dan kewajipan sosial. Kehadiran Hayati di rumahnya mencetuskan konflik antara keinginan peribadi dan tanggungjawab terhadap keluarga dan norma sosial yang boleh menghalang hubungan mereka.

Selain itu, Zainuddin juga berasa tidak pasti dan ragu-ragu tentang cara melibatkan dirinya dalam hubungan dengan Hayati tanpa mengabaikan nilai dan tugasnya sebagai seorang anak dan anggota masyarakat. Dalam konteks ini, konflik intrapersonal Zainuddin mendedahkan ketidakselesaan, dilema moral, dan cabaran emosi yang dialaminya dalam mencari keseimbangan antara cinta peribadi dan tanggungjawab sosial. Konflik ini menambah dimensi kedalamannya kepadanya sebagai watak, menjadikan perjalanan emosinya lebih kompleks dan mendalam.

#### **4.2.2 Konflik Interpersonal**

Konflik interpersonal boleh ditakrifkan sebagai perselisihan faham atau pertentangan yang timbul antara individu atau kumpulan individu dalam interaksi sosial. J.W. Burton, memberikan pandangan mendalam tentang konflik interpersonal di mana beliau telah menyatakan bahawa ia timbul akibat daripada perbezaan persepsi, nilai, dan matlamat antara individu atau kumpulan yang terlibat

dalam interaksi sosial. Berdasarkan perspektif J.W Burton, konflik interpersonal bukan sahaja dilihat sebagai satu bentuk konflik, tetapi juga sebagai dinamik yang boleh mencetuskan pertumbuhan dan perkembangan peribadi.

Sebagai contoh, Dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2013), Zainuddin dan Hayati mengalami konflik interpersonal yang disebabkan oleh persepsi ketidakadilan dalam masyarakat atau dalam kalangan keluarga mereka. Burton juga menonjolkan peranan kuasa dalam konflik interpersonal. Dalam konteks filem tersebut, kuasa ekonomi, sosial atau budaya Zainuddin dan Hayati mungkin memainkan peranan penting dalam menentukan kedinamikan hubungan mereka. Keadaan di mana satu pihak ditindas atau tidak sama rata boleh menimbulkan ketegangan yang ketara.

Burton menekankan bahawa adalah penting untuk memahami bahawa konflik interpersonal tidak selalunya negatif atau merugikan. Sebaliknya, konflik ini boleh menjadi pemangkin untuk berkongsi pemahaman, meningkatkan penyelesaian masalah, dan juga memperkayakan hubungan antara individu. Konsep ini mendasari pandangan bahawa mengurus konflik dengan cara yang membina adalah sangat penting.

Dalam kerangka pemikirannya, Burton mencadangkan konflik interpersonal, jika ditangani dengan bijak, berpotensi menjadi sumber pembelajaran yang berharga. Proses penyelesaian konflik yang dijalankan dengan kesedaran dan empati boleh membawa individu ke arah penyelesaian yang saling menguntungkan dan mengeratkan hubungan sosial.

Justeru, sumbangan J.W. Burton menyifatkan konflik interpersonal sebagai fenomena yang kompleks, dengan potensi untuk memberi kesan positif jika diuruskan dengan cara yang mencukupi dan dihadapi dengan bijak. Melalui pandangan ini, konflik interpersonal dalam filem menjadi kompleks dan bermakna. Pelbagai sumber konflik, ketidaksamaan kuasa, dan kekurangan pemahaman diri adalah elemen yang boleh meningkatkan kedalaman dan realisme hubungan antara watak dalam konteks naratif filem.

Terdapat beberapa konflik interpersonal yang boleh diambil melalui filem *Tenggelamnya kapal Van der Wijck* untuk dijadikan sebagai contoh dalam kajian ini. Antara konflik interpersonal yang terdapat dalam filem *TKVDW* (2013) yang boleh diambil ialah yang dapat diperhatikan melalui tangkap layar tersebut.



**Gambar 9:** Tangkap Layar babak Pakcik Hayati menentang hubungan mereka  
(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 18:00)


Dalam konteks konflik interpersonal pada minit ke-18 filem *TKVDW* (2013), tercetusnya konflik apabila Pakcik Hayati menentang hubungan Zainuddin dan Hayati. Konflik ini timbul kerana Pakcik Hayati melihat hubungan ini sebagai ancaman kepada tradisi keluarga dan keturunan. Perbincangan tentang ketidaksetujuan Pakcik Hayati terhadap hubungan Zainuddin dan Hayati menyajikan dinamik yang kaya dan mendalam.

Pakcik Hayati, sebagai ahli keluarga yang memainkan peranan penting dalam struktur sosial dan budaya keluarga, merasakan kewajiban untuk mengekalkan nilai tradisi. Pandangan skeptikalnya terhadap hubungan Zainuddin dan Hayati tercermin dalam kepercayaannya terhadap peranan dan tanggungjawab keluarga dalam memelihara warisan budaya. Pandangan ini mencetuskan konflik dalam hubungan Hayati dan keluarganya, terutamanya dengan Pakcik Hayati. Hayati, sebagai seorang wanita muda, berasa sedang menghadapi tekanan hebat antara keinginan untuk mematuhi nilai dan tradisi keluarganya, yang diwakili oleh sikap skeptikal Pakcik Hayati terhadap hubungan itu dan cintanya terhadap Zainuddin. Tekanan ini mencetuskan perjuangan emosi yang kompleks, di mana Hayati cuba memahami dan mengimbangi keinginan peribadinya dan tanggungjawab sosialnya.

Konflik antara keinginan peribadi dan tanggungjawab keluarga telah membawa kepada rasa dilema yang mendalam dalam diri Hayati. Walau bagaimanapun, dia merasakan keinginan untuk menjalani kehidupannya mengikut hati nuraninya, tetapi pada masa yang sama menyedari betapa pentingnya menjaga hubungan baik dengan keluarganya. Bagi Zainuddin, konflik ini memberi cabaran

tambahan dalam usahanya membuktikan nilai dirinya dan meyakinkan keluarga Hayati bahawa hubungan mereka adalah berharga. Ini membawa kepada perasaan tidak pasti, kerana dia merasakan tekanan sosial yang hebat untuk membuktikan bahawa dia layak menjadi pasangan Hayati.

Selain itu, konflik interpersonal ini membuka ruang untuk meneroka tema yang lebih mendalam dalam filem, seperti perbincangan tentang kebebasan individu dalam memilih pasangan hidup berbanding tanggungjawab terhadap pewarisan keluarga. Dalam proses ini, filem ini menggambarkan konflik sebagai elemen penting yang membentuk dan memperkaya keseluruhan naratif.



**Gambar 10:** Tangkap Layar babak Hayati tertidur ketika membaca buku


(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 88:28)

Pada minit ke-88 filem *TKVDW* (2013), konflik interpersonal antara Aziz dan Hayati menjadi semakin rumit dengan kehadiran sebuah buku karya Zainuddin. Aspek penting konflik ini melibatkan perasaan, komunikasi, dan tuntutan norma sosial yang boleh mencetuskan pertembungan emosi dalam perhubungan mereka.

Aziz, sebagai pihak yang merasa tercabar, boleh mengalami cemburu dan perasaan rendah diri jika Hayati menunjukkan minat terhadap karya Zainuddin.

Keadaan ini menimbulkan persoalan tentang keyakinan dirinya dan menimbulkan rasa tidak selesa yang boleh memberi tekanan kepada hubungan Aziz dan Hayati. Selain itu, Hayati juga berasa tertekan antara menyatakan minat terhadap karya Zainuddin dan menjaga hubungan baik dengan Aziz. Konflik emosi ini boleh mencerminkan dilema yang kompleks dalam perhubungan, di mana kebebasan bersuara dan tanggungjawab terhadap pasangan seseorang bercanggah antara satu sama lain.

Selain itu, komunikasi antara Aziz dan Hayati penting dalam menyelesaikan konflik ini. Kegagalan untuk berkomunikasi dengan jelas boleh merumitkan keadaan dan membuka ruang untuk salah tafsir. Kejelasan dalam komunikasi boleh membantu meredakan ketegangan dan menggalakkan persefahaman antara mereka. Dengan mengambil kira norma sosial yang boleh mempengaruhi pandangan masyarakat terhadap hubungan, konflik interpersonal ini memberikan dimensi yang mendalam kepada plot dan pembangunan watak. Ia menggambarkan kerumitan hubungan manusia dan memberi peluang kepada penonton untuk merenung perasaan, tanggungjawab dan komitmen dalam konteks hubungan interpersonal.



**Gambar 11:** Tangkap Layar babak pergaduhan Zainuddin dan Hayati

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 121:28)

Pada minit ke-121 filem *TKVDW* (2013), Zainuddin berdepan konflik interpersonal yang tegang selepas mengetahui kematian tragis Aziz dan tanggungjawab yang diberikan kepadanya untuk menjaga Hayati. Konflik ini memuncak dengan pertengkaran sengit antara Zainuddin dan Hayati, yang melibatkan pendedahan emosi sukar dan kisah silam.

Zainuddin yang terbeban dengan tanggungjawab yang tidak diingini untuk menjaga Hayati, terutama selepas kematian Aziz, konflik emosi Zainuddin menyebabkannya mengalami perasaan bercampur baur antara kesedihan, rasa bersalah dan kekeliruan tentang cara menangani situasi yang sukar sekaligus ditambah tekanan dengan bebanan yang datang dengan tugas itu. Kesedihan dan kehilangan Aziz bercampur dengan perasaan bersalah dan tidak pasti bagaimana

untuk menguruskan situasi yang semakin rumit itu. Permintaan terakhir Aziz telah menyebabkan konflik moral dan emosi dalam diri Zainuddin. Sebaliknya, Hayati berasa terperangkap di antara dua cinta berbeza dan berdepan dengan kehilangan yang mendalam. Konflik interpersonal ini melibatkan aspek emosi yang kompleks termasuk rasa bersalah kerana perasaan cintanya terhadap Zainuddin mungkin tidak selari dengan norma sosial dan tanggungjawabnya terhadap keluarganya.

Pertengkarannya mula berlaku yang telah membuka luka emosi lama dan mencetuskan konflik intrapersonal yang tidak dapat diselesaikan oleh mereka. Pertelingkahan antara Zainuddin dan Hayati menjadi saluran untuk meluahkan perasaan terpendam dan perselisihan faham antara mereka. Terdapat kisah silam mereka yang penuh dengan kekecewaan dan kekesalan diluahkan secara emosi, mendedahkan lapisan emosi yang terpendam. Zainuddin, dalam usaha untuk mengungkit masa lalunya, berusaha untuk menjelaskan perasaannya dan memberi Hayati gambaran yang lebih jelas tentang dirinya. Walau bagaimanapun, perkara tersebut juga boleh mencetuskan kekecewaan, kekeliruan, dan konflik selanjutnya di antara mereka.

Dalam konteks ini, Zainuddin dan Hayati mencerahkan perasaan yang terpendam, dan pertengkarannya menjadi titik penting dalam perkembangan plot. Melalui percanggahan ini, filem ini menggambarkan bagaimana konflik interpersonal bukan sahaja menjadi punca ketegangan tetapi juga medium untuk watak utama memahami perasaan mereka sendiri, membawa penonton pada perjalanan emosi yang kompleks dan mencabar antara watak utama.

#### 4.2.3 Konflik Antara Kumpulan

Konflik antara kumpulan ialah perselisihan faham atau percanggahan yang timbul antara dua atau lebih kumpulan yang berinteraksi. Melalui pendapat J.W Burton (1990), yang merupakan seorang tokoh dengan pandangannya bahawa konflik ini mungkin berpunca daripada perbezaan pandangan, nilai, matlamat, persaingan untuk mendapatkan sumber, atau ketidaksamaan dalam pengagihan faedah dan tanggungjawab antara kumpulan. Pendapat ini mencerminkan pandangan yang mendalam tentang konflik dan merupakan asas untuk pemahaman lebih lanjut dalam penelitian ini. Dinamik konflik antara kumpulan melibatkan interaksi yang kompleks antara ahli kumpulan, dan pengendalian yang bijak boleh melibatkan strategi yang membina untuk mengurus perbezaan dan menggalakkan kerjasama antara kumpulan. J.W. Burton juga berpendapat, membangunkan konsep konflik antara kumpulan secara mendalam, menekankan bahawa perselisihan antara kumpulan sering timbul daripada perbezaan persepsi, nilai dan matlamat.


Pada pandangannya, Burton menekankan bahawa sumber konflik antara kumpulan boleh merangkumi perbezaan pendapat, persaingan untuk mendapatkan sumber, atau bahkan ketidaksamaan dalam pengagihan faedah dan tanggungjawab. Kepentingan pengurusan konflik bukan sahaja melibatkan pemahaman punca perselisihan faham, tetapi juga menekankan potensi positif konflik itu sendiri.

Burton menjelaskan bahawa konflik antara kumpulan tidak selalu merosakkan tetapi ia boleh menjadi pencetus kepada perubahan dan pembelajaran yang positif. Beliau menyokong pendekatan yang membina untuk menangani konflik antara kumpulan, di mana pemahaman mendalam tentang dinamik

kumpulan dan keperluan individu adalah kunci. Strategi yang kooperatif dan membina kerjasama dianggap sebagai elemen penting dalam menangani konflik dan mewujudkan persekitaran di mana perbezaan boleh diurus dengan berkesan untuk mencapai kebaikan bersama.

Justeru, sumbangan J.W. Burton menggambarkan konflik antara kumpulan sebagai fenomena yang kompleks, memberikan cabaran tetapi juga peluang untuk pertumbuhan, pembelajaran, dan mewujudkan keharmonian antara kumpulan.

Antara konflik antara kumpulan yang terdapat dalam filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (2013) yang boleh diambil ialah melalui peristiwa yang dapat dikesan di dalam babak berikut.



**Gambar 12:** Tangkap Layar babak Zainuddin tidak dibenarkan duduk bersama  
(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 13:30)

Pada minit ke-13 filem *TKVDW* (2013), Zainuddin mengalami konflik antara kumpulan apabila dia cuba duduk bersama sekumpulan budak Minang untuk mendengar perbualan mereka. Konflik ini timbul daripada perbezaan sosial atau budaya antara Zainuddin dan kumpulan Minang. Konflik antara kumpulan ini

mungkin mencerminkan perbezaan dalam budaya, adat resam, atau nilai asas dalam masyarakat kedua-dua kumpulan.

Zainuddin sebagai warga asing atau berbeza latar belakang menghadapi halangan untuk diterima masuk ke dalam kumpulan itu. Ketidakselesaan awal atau penolakan budak Minang menimbulkan ketegangan antara kumpulan, mencerminkan realiti sosial masyarakat yang kompleks dalam filem itu. Konflik antara kumpulan ini mewujudkan latar belakang perkembangan watak Zainuddin dan memahami perubahan dinamik sosial yang berlaku sepanjang filem ini. Hal ini mempunyai pengaruh terhadap persepsi dan hubungan Zainuddin dengan budak-budak Minang serta bagaimana hubungan antara kumpulan ini berkembang sepanjang jalan cerita.

Melalui filem *TKVDW* (2013), pelbagai konflik memainkan peranan penting dalam membangunkan naratif yang kompleks dan menarik. Pertama, konflik intrapersonal yang dialami Zainuddin yang bergelut dalam pencarian jati diri dan krisis nilai khususnya mengenai asal usul keluarganya di Batipuh dan Hayati mengenai perasaan dirinya semenjak kemunculan Zainuddin.

Selain itu, konflik interpersonal menjadi teras cerita dengan cinta segi tiga antara Zainuddin, Hayati, dan Aziz. Emosi yang bercanggah dan pertengkaran yang semakin meningkat mencerminkan dinamik hubungan yang kompleks, menyampaikan kepada penonton ketegangan dan perasaan yang mendalam. Kemudian, konflik antara kumpulan juga berlaku apabila Zainuddin cuba duduk dengan budak Minang sehingga menimbulkan rasa tidak selesa dan perbezaan budaya. Secara keseluruhan, filem ini menggambarkan pelbagai jenis konflik yang

menimbulkan pertumbuhan watak dan memperkayakan lapisan cerita, menghasilkan pengalaman sinematik yang mendalam dan bermakna.

### **4.3 Penyelesaian Konflik Di Dalam Filem *Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck***

#### **4.3.1 Penyelesaian Konflik Intrapersonal**

Penyelesaian konflik intrapersonal, walaupun tidak dibangunkan secara eksplisit oleh J.W. Burton, dapat dilihat melalui prinsip asas konflik dan penyelesaian konflik yang diajar olehnya. Pertama, langkah awal melibatkan introspeksi mendalam untuk memahami punca konflik dalam diri, dengan mengenal pasti nilai, keinginan, atau matlamat yang mungkin berkonflik. Seterusnya, adalah penting untuk menerima bahagian diri yang mungkin bercanggah antara satu sama lain, mengelakkan penghakiman diri, dan fokus pada penerimaan diri. Konsep aktualisasi diri, sebagai salah satu prinsip Burton, boleh digunakan dengan melihat konflik sebagai peluang untuk pertumbuhan peribadi dan meneroka pelajaran yang boleh dipelajari daripada konflik tersebut. Pernyataan ini disokong oleh Sigmund Freud (1960), yang memperkenalkan konsep konflik intrapersonal melalui teorinya tentang konflik antara unsur-unsur kepribadian, seperti id, ego, dan superego.

Dalam konteks penyelesaian konflik intrapersonal, pengurusan emosi memainkan peranan yang penting. Individu perlu mengenali dan mengurus emosi yang berkaitan dengan konflik, sambil mencari cara yang sihat untuk meluahkan perasaan tersebut. Penstrukturkan semula kognitif juga merupakan langkah yang relevan dengan menilai corak pemikiran atau kepercayaan yang mungkin menjadi

punca konflik, serta penstrukturkan semula kognitif dengan melihat situasi dari perspektif yang lebih sihat dan membina. Dengan menggunakan prinsip ini, individu boleh mendekati penyelesaian konflik intrapersonal dengan cara yang menggalakkan pertumbuhan peribadi dan kesejahteraan mental. Berikut merupakan jalan penyelesaian konflik intrapersonal yang telah diambil melalui konflik yang wujud dalam filem *TKVDW* (2013), Antaranya ialah:



**Ganbar 13:** Tangkap Layar babak Zainuddin sampai ke Batipuh, Padang

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 3:05)

Penyelesaian konflik yang boleh diambil dalam filem *TKVDW* (2013) mengikuti konflik pertama dapat dilihat apabila Zainuddin mengambil keputusan untuk ke tempat asal keluarganya di Batipuh Padang pada minit ke-3. Keputusan ini mencerminkan usaha Zainuddin untuk mempelajari lebih mendalam tentang identiti dan asal usulnya, serta memahami bagaimana faktor-faktor ini boleh

mempengaruhi kehidupannya. Dalam perjalanan ke Batipuh, Zainuddin mungkin merentasi bukan sahaja jarak geografi, tetapi juga perjalanan emosi yang mendalam. Keputusannya untuk meneroka tempat asal usul keluarganya boleh dianggap sebagai langkah penting dalam merungkai misteri terhadap dirinya yang tidak dianggap oleh masyarakat Makassar. Langkah ini juga boleh dianggap sebagai percubaan untuk menyelesaikan konflik intrapersonal yang berkaitan dengan identiti dan mempunyai keinginan untuk memahami serta mencari jawapan kepada persoalan tentang asal usul, keluarga dan sejarahnya. Menyelami warisan keluarganya boleh memberikan persepsi yang lebih jelas tentang nilai yang membentuk dirinya dan menyelesaikan konflik intrapersonal yang mungkin timbul dan bukannya ketidakpastian identiti. Dengan mengimbas kembali asal usulnya, Zainuddin mungkin berharap dapat menjawab beberapa isu dalaman yang mungkin menjadi punca konflik peribadinya.

Pengenalan tempat asal seseorang ini juga boleh menjadi satu langkah ke arah pertumbuhan peribadi dan penerimaan diri. Dengan mendalami akar keluarganya, Zainuddin mungkin akan mendapat jawapan atau pemahaman yang membantu melegakan konflik intrapersonal yang dialaminya. Dalam konteks ini, gambaran perjalanan ke Batipuh Padang dapat melambangkan perjalanan yang mendalam dalam diri. Zainuddin mungkin berharap dengan mencapai akar umbinya, dia dapat mencari ketenangan dan lebih memahami peranannya dalam kisah hidupnya. Justeru, perjalanan ini bukan sekadar perjalanan fizikal, tetapi juga perjalanan ke arah pemahaman diri yang lebih mendalam.



**Gambar 14:** Tangkap Layar babak Hayati memulangkan payung berserta surat kepada Zainuddin


(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 11.05)

Pada minit ke-11 dalam filem *TKVDW* (2013), babak ini merupakan jalan penyelesaian konflik intrapersonal dalam diri Hayati yang sedang bergelut dengan perasaannya sendiri. Menerusi tindakan Hayati memulangkan payung berserta surat, timbul andaian bahawa Hayati mungkin cuba mengatasi konflik intrapersonal dalaman yang dialaminya. Tindakan ini mungkin mencerminkan keberanian dan usaha untuk meluahkan perasaan dan membuka ruang untuk pemahaman yang lebih mendalam. Pertukaran surat dan pertemuan berterusan antara Hayati dan Zainuddin selepas tragedi itu mungkin merupakan cara penyelesaian yang membantu Hayati meneroka dan memahami perasaannya. Surat-surat ini berfungsi sebagai medium untuk merenung perasaan dan fikiran mereka, menyediakan saluran untuk ekspresi yang mungkin sukar untuk disampaikan secara lisan. Dalam konteks ini, Hayati dan

Zainuddin menggunakan surat sebagai alat untuk membina jambatan komunikasi, membuka hati masing-masing, dan menyelesaikan sebarang salah faham yang mungkin timbul. Pertemuan berterusan mereka juga memberi peluang untuk mengeratkan hubungan dan menunjukkan usaha bersama untuk mengatasi konflik masing-masing.

Proses ini boleh dianggap sebagai perjalanan emosi dan pengetahuan diri Hayati, yang mungkin cuba memahami hubungan rumitnya dengan Zainuddin. Pertukaran surat bukan sekadar komunikasi, malah tempat Hayati dapat merenung dan meneroka perasaan dan fikirannya dengan lebih mendalam. Justeru, pertukaran surat dan pertemuan yang berterusan ini boleh dianggap sebagai langkah positif dalam proses menyelesaikan konflik intrapersonal Hayati, membantu membentuk perkembangan plot dan hubungan antara watak utama dalam naratif filem itu.

UNIVERSITI  
KELANTAN




**Gambar 15:** Tangkap Layar babak Hayati memberikan selendangnya kepada Zainuddin

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 26:40)

Melalui filem *TKVDW* (2013), ketika Zainuddin diarahkan untuk berpindah dan meninggalkan kawasan Batipuh, terdapat konflik intrapersonal yang dihadapi oleh Zainuddin iaitu ingin meninggalkan cinta hatinya atau meneruskan perjalanananya. Ketika dalam dilema, Hayati muncul untuk memberikan sokongan dengan segala pilihan yang dibuat oleh Zainuddin. Justeru, Zainuddin meminta sebarang pemberian untuk sentiasa mengingati kisah mereka tidak kira di mana sahaja. Ini merupakan penyelesaian terhadap konflik yang dihadapi oleh Zainuddin. Hayati memberikan selendang apabila Zainuddin meminta sebarang pemberian kepadanya. Melalui pemberian selendang Hayati sebagai azimat kepada Zainuddin, nampaknya Hayati mungkin cuba mencipta satu bentuk ingatan yang kuat antara mereka. Tindakan ini mungkin mewakili percubaan Hayati untuk menyelesaikan konflik intrapersonal dalam diri Zainuddin, yang berhadapan dengan tekanan masyarakat dan norma adat yang melarang hubungan antara mereka.

Selendang itu mungkin menjadi lambang keakraban dan percintaan kuat antara Zainuddin dan Hayati. Dalam konteks adat resam dan nilai masyarakat, ini

juga boleh dianggap sebagai tanda menghormati hubungan yang tidak boleh dielakkan oleh tekanan luar. Penyerahan selendang itu mungkin membayangkan perintah tersirat agar Zainuddin tidak melupakan ikatan emosi dan kenangan bersama, walaupun keadaan memaksa mereka berpisah. Hayati mungkin ingin menunjukkan bahawa walaupun mereka terpaksa dipisahkan secara fizikal, hubungan dan ikatan emosi mereka dapat dikekalkan melalui simbol kecil seperti selendang itu. Dengan pemberian azimat ini, Hayati mungkin berharap dapat memberikan ketenangan dan kekuatan kepada Zainuddin dalam menghadapi cabaran dalaman dan konflik yang mungkin timbul akibat tekanan sosial. Selendang bukan sekadar sehelai kain, tetapi merupakan lambang keberanian dan kesetiaan kepada perasaan seseorang, membawa elemen penyelesaian simbolik kepada konflik intrapersonal Zainuddin.



**Gambar 16:** Tangkap Layar Zainuddin meninggalkan tempat pertandingan kuda

(Sumber: Filem TKVDW (2013), Minit 42:00)

Pada minit ke-42 filem *TKVDW* (2013), adegan Zainuddin melihat Hayati berkumpul bersama Aziz dan rakannya mungkin menjadi titik penting yang menggambarkan kedalaman konflik intrapersonal yang dialaminya. Zainuddin yang

amat menyayangi Hayati mungkin berdepan situasi penuh cabaran emosi dan ketidaktentuan. Pandangan Zainuddin dari bawah pentas mungkin mencerminkan kedudukan kiasan dan emosinya yang merendah diri, seolah-olah hanya dapat memerhati dari jauh tanpa terlibat secara langsung. Keputusannya meninggalkan kawasan itu tanpa menimbulkan sebarang kekeliruan menunjukkan kematangan emosi, menyedari kehadirannya mungkin merumitkan situasi antara Hayati, Aziz, dan dirinya.

Zainuddin mungkin sedang bergelut dengan perasaan kecewa dan tidak pasti kedudukannya di hati Hayati. Keputusannya untuk tidak mengganggu pertemuan itu boleh ditafsirkan sebagai cubaan untuk menghormati kebebasan Hayati dan mengekalkan keseimbangan dalam hubungan rumit mereka. Tindakan Zainuddin juga mungkin mencerminkan perjalanan emosinya, di mana dia mungkin mencari penyelesaian yang paling matang dan kehormatan dirinya. Tanggapan terhadap plot filem ini mungkin membuka pintu kepada pembangunan watak yang lebih mendalam dan membawa penonton ke perjalanan emosi yang lebih rumit. Dengan tindakan ini, Zainuddin telah memilih penyelesaian tanpa konfrontasi, memberi ruang kepada Hayati untuk menjalani kehidupannya tanpa tekanan tambahan. Adegan ini mungkin merangkumi kedalaman konflik intrapersonal Zainuddin dan merangsang pemikiran tentang kerumitan hubungan dalam konteks yang lebih luas.



**Gambar 17:** Tangkap Layar babak Hayati mengikuti kata orang kampung

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 50:37)

Pada minit ke-47 filem *TKVDW* (2013), ketika Hayati berdepan dengan pilihan sukar untuk memilih antara cadangan Aziz dan Zainuddin, keputusannya mungkin mencerminkan penyelesaian konflik intrapersonal yang kompleks. Hayati, sebagai wanita yang terikat dengan nilai dan norma sosial, mungkin merasa tertekan dengan tekanan masyarakat dan keluarganya. Keputusannya untuk mengikut suara orang kampung dan memilih antara cadangan Aziz atau Zainuddin tanpa mempedulikan perasaan dan keinginannya sendiri, telah mencerminkan konflik dalam dirinya antara tanggungjawab terhadap norma sosial dan kebebasan untuk mengikut hati nuraninya. Tindakan ini yang menunjukkan konflik Hayati dalam menentukan identiti dan nilai peribadinya. Hayati berasa tersepit antara jangkaan keluarga dan tekanan masyarakat, serta perasaannya terhadap Zainuddin. Keputusannya mungkin merupakan penyelesaian yang dianggap terbaik dalam

konteks keadaan sosialnya, walaupun ia mungkin tidak mencerminkan sepenuhnya keinginan dan perasaannya.

Disebabkan itu, pemilihan Aziz oleh Hayati mungkin merupakan tindakan mengekalkan nilai tradisi dan mematuhi harapan masyarakatnya. Hal ini kerana, untuk mengikut arahan penduduk kampung dan tanpa ingin mencetuskan sebarang masalah. Keputusan ini boleh dianggap sebagai satu cara untuk menyelesaikan konflik intrapersonal Hayati, yang merasakan tekanan kuat daripada masyarakat dan norma sosial untuk mengekalkan adat dan tradisi. Hayati mengutamakan keharmonian sosial dan pematuhan kepada norma yang ditetapkan, walaupun dia mungkin bercanggah tentang perasaannya terhadap Zainuddin. Dalam konteks ini, konflik intrapersonal Hayati boleh dilihat sebagai perjuangan antara kebebasan individu dan tanggungjawab terhadap masyarakat dan adat resam. Keputusan ini boleh memberikan dimensi yang lebih mendalam kepada perkembangan watak Hayati dan dinamik hubungan antara watak utama, mewujudkan lapisan emosi yang kompleks dalam naratif filem itu.




**Gambar 18:** Tangkap Layar babak Zainuddin kecewa dan bangkit semula  
(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 65:00)

Konflik yang berlaku dalam babak ini ketika Hayati telah mengecewakan Zainuddin kerana telah memilih Aziz berbanding dirinya dan telah memungkiri janji mereka sebelum ini. Dalam menyelesaikan konflik intrapersonal yang telah dihadapi Zainuddin, kedatangan Hayati yang sepatutnya membawa harapan untuk sembahh sebenarnya memburukkan lagi kekecewaan dengan munculnya cincin di jari Hayati. Detik ini merumitkan perjalanan emosi Zainuddin, meningkatkan konflik dalaman antara perasaan rindu dan kecewa. Bagaimanapun, kehadiran Muluk sebagai penasihat dan penyokong melambangkan sinar harapan dalam perjalanan hidup Zainuddin. Dengan menggalakkan Zainuddin melupakan Hayati, Muluk mendorongnya untuk mengalihkan fokus kepada masa depan dan bakat menulisnya. Muluk nampaknya membuka pintu kepada potensi positif yang tersembunyi dalam diri Zainuddin. Tindakan Muluk menyediakan penyelesaian konflik yang membawa sentuhan positif, mencerminkan keupayaan manusia untuk pulih daripada kesukaran emosi dan menunjukkan bahawa terdapat jalan ke hadapan selepas melepaskan konflik intrapersonal.

Keputusan Zainuddin untuk berpindah ke Tanah Jawa memberikan dimensi baharu kepada penyelesaian konflik. Ini mungkin dianggap sebagai satu langkah ke arah pertumbuhan dan pembaharuan diri, mewujudkan ruang untuk pembangunan watak Zainuddin yang lebih matang. Proses menulis dan mencari erti kehidupan di tempat baharu boleh dilihat sebagai sarana penyembuhan, membantu Zainuddin melepaskan beban konflik dalaman yang rumit. Dengan menggambarkan perubahan hidup Zainuddin, filem ini menampilkan unsur-unsur pembaharuan dan harapan. Zainuddin menyampaikan mesej tentang kuasa kreativiti manusia dalam

menangani konflik intrapersonal dan memberi inspirasi kepada penonton untuk lebih berani dengan melakukan segala cara ketika ingin meneruskan perjalanan yang lebih rumit. Pada dasarnya, Zainuddin meneroka konflik dalaman yang begitu dalam untuk mencapai sinar harapan yang lebih cerah, mencipta naratif yang mendorong penonton untuk menjalani proses yang sama dalam kehidupan mereka.



**Gambar 19:** Tangkap Layar babak Muluk memberitahu semua perasaan terpendam Zainuddin kepada Hayati

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 116:00)

Melalui filem *TKVDW* (2013), dalam babak ini menunjukkan laluan Zainuddin untuk menyelesaikan konflik intrapersonal dalaman menjadi titik penting dalam pembangunan watak dan plot filem ini. Walaupun Zainuddin memberikan peluang untuk menumpangkan Hayati dan Aziz di rumahnya, tindakan ini bukan sekadar kebaikan biasa, tetapi menggambarkan pergelutan emosi yang lebih mendalam yang dialami Zainuddin. Apabila Zainuddin memutuskan untuk menyimpan potret Hayati di dalam biliknya dengan tajuk “permataku yang hilang,” ia menjadi gambaran visual kehilangan dan kerinduan yang masih membara dalam dirinya. Perlambangan potret ini mengukuhkan perasaan terpendam yang masih dijaga Zainuddin sehingga menimbulkan suasana tegang yang meresapi filem itu.

Namun, cara menyelesaikan konflik itu tidak hanya dilihat dari tindakan luar Zainuddin. Pada minit ke-115 itu, pertemuan dengan Hayati membuka potensi penyelesaian konflik ini. Walaupun Zainuddin tidak meluahkan perasaannya secara langsung, kehadiran Hayati mungkin menjadi pendorong untuk mengatasi ketidaktentuan emosi yang dihadapi Zainuddin. Keputusan Zainuddin untuk terus memerhati Hayati dari jauh tanpa memulakan pertemuan langsung merupakan satu jalan penyelesaian terhadap konflik dalaman yang dihadapi olehnya walaupun dianggap sebuah ketegangan kepada penyelesaian konflik itu. Namun, melalui tindakan ini, Zainuddin mungkin mengambil masa untuk memahami semula perasaannya terhadap Hayati. Filem ini memberi dimensi tambahan kepada perkembangan watak Zainuddin, menunjukkan bahawa menyelesaikan konflik intrapersonal bukanlah mudah, tetapi melibatkan penghayatan mendalam terhadap perasaan yang rumit dan kompleks.

#### **4.3.2 Penyelesaian Konflik Interpersonal**

Penyelesaian konflik interpersonal dari perspektif J.W. Burton ialah dengan menuntut pemahaman yang mendalam tentang sumber konflik. Menganalisis perbezaan dalam persepsi, nilai, dan matlamat di kalangan individu adalah langkah pertama yang penting. Burton melihat dialog terbuka dan jujur sebagai asas bagi pendekatan konstruktif untuk menangani konflik, dengan tumpuan untuk membina persefahaman bersama dan mencari penyelesaian yang memberi manfaat kepada semua pihak. Pada pandangan burton, konflik boleh menjadi peluang untuk pertumbuhan dan perubahan positif jika diurus dengan bijak. Menerima perbezaan

dan menghormati kepelbagaiannya pandangan dan nilai adalah prinsip penting dalam menyelesaikan konflik interpersonal. Menyedari hak setiap individu untuk mempunyai perspektif mereka sendiri boleh mewujudkan asas yang lebih kukuh untuk mencapai persetujuan.

Selain itu, menyelesaikan konflik interpersonal pada pandangan Burton mungkin juga melibatkan usaha untuk memahami dan mengurus emosi yang terlibat. Mewujudkan persekitaran yang menyokong ekspresi membina emosi boleh membantu melegakan ketegangan dan menyokong proses penyelesaian. Walaupun Burton paling terkenal dalam konteks konflik antara kumpulan, prinsip membina dan persefahaman bersamanya menyediakan asas yang berharga untuk penyelesaian konflik interpersonal. Dengan menggunakan prinsip ini, individu boleh mendekati penyelesaian konflik interpersonal dengan cara yang menggalakkan pertumbuhan peribadi dan keharmonian antara individu.

Berikut merupakan jalan penyelesaian konflik interpersonal yang telah diambil melalui konflik yang wujud dalam filem *TKVDW* (2013), Antaranya ialah:




**Gambar 20:** Tangkap Layar babak Hayati mendengar mengikuti kata bapa saudaranya

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 20:30)

Konflik interpersonal telah berlaku antara Hayati dan bapa saudaranya dalam minit ke-19 dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck (2013). Pakcik Hayati memanggil Hayati untuk berbincang mengenai dirinya dan Zainuddin, sejauh manakah perhubungan mereka sehingga orang kampung telah menganggap mereka mempunyai hubungan yang boleh mempengaruhi adat dan tradisi mereka. Penyelesaian konflik interpersonal antara Hayati dan bapa saudaranya menggambarkan cabaran dalam memelihara adat resam dan tradisi masyarakat setempat. Walaupun Hayati mahu mengekalkan hubungannya dengan Zainuddin, Pakcik Hayati selaku penjaga adat dan tradisi, merasakan hubungan mereka membawa risiko memalukan keluarga dan menghancurkan nilai yang diperjuangkan.

Penyelesaian Pakcik Hayati ialah dengan mengarahkan Zainuddin keluar dan meninggalkan Batipuh jika ingin meneruskan pelajarannya kerana takut keakrabannya bersama Hayati semakin berpanjangan dan boleh merosakkan adat dan tradisi mereka yang diperjuangkan selama ini. Keputusan ini mungkin dilihat sebagai langkah yang keras, tetapi ia dilihat sebagai langkah perlu untuk memastikan kestabilan adat dan tradisi keluarga. Pakcik Hayati mungkin berasa bertanggungjawab untuk melindungi warisan keluarga mereka. Hayati dalam keadaan terdesak terpaksa menurut perintah bapa saudaranya walaupun dalam hatinya sayu dan kesal. Konflik ini menunjukkan ketegangan antara keinginan individu untuk mengejar cinta dan pemahaman keluarga terhadap tanggungjawab terhadap warisan budaya. Perpisahan antara Hayati dan Zainuddin, walaupun menyakitkan, mungkin dilihat sebagai satu kewajiban yang perlu untuk

mengelakkan keharmonian dalam masyarakat. Ini mewujudkan unsur dramatik dan pahit dalam penyelesaian konflik, melibatkan perselisihan antara keinginan peribadi dan tanggungjawab kepada masyarakat.




**Gambar 21:** Tangkap Layar babak Hayati mengajak Aziz untuk makan bersamanya

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 89:00)

Melalui filem *TKVDW* (2013), dalam babak ini berlakunya konflik interpersonal antara Hayati dan Aziz dimana sewaktu Aziz pulang ke rumahnya, Hayati telah tertidur tanpa menunggu kehadirannya. Bukan itu sahaja, Aziz juga mendapati bahawa Hayati telah membaca sebuah buku yang tidak diketahui kewujudannya sehingga tertidur. Hal ini menyebabkan Aziz berasa sangat marah dan melemparkan buku tersebut kepada Hayati yang sedang tidur. Lalu, hayati pun tersedar lalu melihat Aziz yang dalam keadaan marah. Justeru itu, penyelesaian konflik interpersonal antara Hayati dan Aziz menunjukkan kematangan dan kebijaksanaan Hayati dalam menguruskan hubungan rumah tangganya. Walaupun berlaku pertengkaran kecil, Hayati segera mengambil inisiatif mewujudkan suasana lebih positif dengan mengajak Aziz makan bersama.

Tindakan ini mungkin mencerminkan keinginan Hayati untuk menyelesaikan ketegangan dan mengekalkan keharmonian dalam perkahwinannya. Dengan mengajak Aziz makan bersama, Hayati menunjukkan keinginannya untuk mencipta detik kebersamaan yang dapat mengeratkan ikatan emosi antara mereka. Selain itu, apabila Hayati menafikan kejadian itu, ia boleh dilihat sebagai cubaan untuk mengelak konfrontasi yang lebih besar. Mungkin Hayati memilih untuk memberi tumpuan kepada aspek positif hubungan mereka dan mengetepikan pertikaian kecil yang tidak perlu. Kepentingan Hayati dalam membina dan mengekalkan hubungan kekeluargaan boleh ditafsirkan sebagai usaha mengekalkan nilai kekeluargaan dan mewujudkan persekitaran yang stabil bagi keluarganya. Dengan cara ini, penyelesaian yang dipilih Hayati mencerminkan sikap bijak dan sabar dalam menghadapi cabaran hidup berumah tangga.



**Gambar 22:** Tangkap Layar babak Hayati di pelabuhan kapal setelah diarahkan Zainuddin untuk pulang ke kampung

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 131:23)

Pada minit ke-130 filem *TKVDW* (2013), penyelesaian konflik Hayati dan Zainuddin mengandungi lapisan emosi yang sangat mendalam dan memikat perhatian penonton. Pergaduhan mereka menjadi kemuncak kepada ketegangan

yang terbina sepanjang naratif filem itu. Hayati dengan kegusaran dan kekesalan yang jelas, cuba memohon maaf dan bertanggungjawab atas kesilapannya yang telah dilakukannya dahulu. Bagaimanapun, reaksi Zainuddin yang terluka dan kecewa mengesahkan ketidaktentuan dalam hubungan mereka. Pertukaran kata-kata tajam dan emosi yang meluap-luap membawa penonton kepada intipati konflik yang rumit dan membangkitkan perasaan. Keazaman Hayati untuk kekal bersama Zainuddin walaupun dalam keadaan konflik, menyerlahkan keazamannya untuk mengekalkan hubungan mereka yang dahulu terluka. Bagaimanapun, kesungguhan Zainuddin untuk menghantar Hayati pulang ke kampungnya dengan menaiki kapal Van Der Wijck mencipta kemuncak yang dramatik. Keputusan ini menunjukkan jalan penyelesaian dan pengorbanan besar Zainuddin, dengan menanggung segala kos agar Hayati dapat bersama keluarganya.

Penolakan ini membawa penonton melalui siri emosi yang kompleks, termasuk kesakitan, kekecewaan dan pengorbanan. Ia dapat menerangkan konflik interpersonal yang melibatkan perasaan rumit, membangkitkan empati penonton terhadap liku-liku hubungan antara watak utama. Dengan penyelesaian yang menyentuh hati ini, filem ini mencapai klimaks dramatik, menyampaikan mesej tentang kuasa cinta dan pengorbanan dalam menghadapi konflik.

### 4.3.3 Penyelesaian Konflik Antara Kumpulan

Penyelesaian konflik antara kumpulan, menurut pandangan J.W. Burton, bermula dengan pemahaman yang mendalam tentang sumber konflik. Menganalisis perbezaan dalam persepsi, nilai dan matlamat antara kumpulan adalah langkah pertama yang penting. Ini menjadi asas untuk melangkah ke peringkat seterusnya. Pendekatan yang membina adalah kunci dalam menangani konflik antara kumpulan menurut Burton. Membuka dialog terbuka dan jujur adalah kaedah yang ditekankan, dengan tujuan membina persefahaman bersama dan mencari penyelesaian yang memberi manfaat kepada semua kumpulan yang terlibat.

Prinsip penerimaan perbezaan dan menghormati kepelbagaiannya pandangan dan nilai merupakan aspek penting dalam menyelesaikan konflik antara kumpulan dalam pandangan Burton. Menyedari hak setiap kumpulan untuk mempunyai perspektif tersendiri menyediakan asas yang kukuh untuk mencapai persetujuan. Mewujudkan persekitaran yang menyokong ekspresi membina emosi boleh membantu melegakan ketegangan dan menyokong proses penyelesaian. Dengan menerapkan prinsip membina dan persefahaman bersama yang ditekankan oleh J.W. Burton, menyelesaikan konflik antara kumpulan boleh menjadi satu proses yang menggalakkan pertumbuhan dan keharmonian antara kumpulan, mewujudkan asas untuk persefahaman bersama dan kerjasama yang lebih baik. Berikut merupakan jalan penyelesaian konflik antara kumpulan yang telah diambil melalui konflik yang wujud dalam filem *TKVDW* (2013), Antaranya ialah:



**Gambar 23:** Tangkap Layar babak Zainuddin meninggalkan kelompok budak Minang

(Sumber: Filem *TKVDW* (2013), Minit 13:50)

Konflik Zainuddin dan kumpulan Minang dalam filem *TKVDW* (2013)

Berlaku apabila Zainuddin cuba duduk bersama sekumpulan budak Minang untuk mendengar perbualan mereka. Konflik ini mungkin timbul daripada perbezaan sosial atau budaya antara Zainuddin dan kumpulan Minang. Konflik antara kumpulan ini mungkin mencerminkan perbezaan dalam budaya, adat resam, atau nilai asas dalam masyarakat kedua-dua kumpulan. Lalu, Zainuddin pun segera meninggalkan kawasan kumpulan itu dan bergegas baring untuk tidur tanpa menimbulkan apa-apa pergaduhan. Jalan penyelesaian yang diambil oleh Zainuddin menggambarkan kebijaksanaan dan kematangan watak utama dalam menghadapi perbezaan budaya. Jika Zainuddin berasa kurang senang ketika hendak duduk dengan sekumpulan budak Minang, dia membuat keputusan yang bijak dengan meninggalkan kawasan itu tanpa menimbulkan perbalahan atau konflik yang tidak perlu. Keputusan ini menyerlahkan sikap bijak Zainuddin dalam mengelak konfrontasi, di samping memberi ruang untuk perbezaan budaya dihormati. Tindakan ini menunjukkan sikap tenang dan matang dalam menangani situasi sosial

yang rumit. Zainuddin memilih untuk berundur dari situasi yang mungkin memuncak menjadi pergaduhan. Di samping itu, penempatan ini mencerminkan usaha Zainuddin untuk mengekalkan hubungan harmoni dengan kumpulan Minang tanpa cuba memaksa pendapat atau nilainya terhadap mereka. Ini menunjukkan sikap terbuka dan toleransi Zainuddin terhadap perbezaan budaya, menonjolkan keupayaannya untuk menyesuaikan diri dalam konteks sosial yang kompleks.

Dalam filem *TKVDW* (2013), jalan penyelesaian konflik intrapersonal, interpersonal dan antara kumpulan menggambarkan perjalanan emosi dan transformasi watak utama, Zainuddin dan Hayati. Zainuddin mengatasi konflik intrapersonalnya dengan berpindah ke Jawa, mengejar pertumbuhan peribadi melalui penulisan, dan membebaskan dirinya daripada belenggu konflik kehilangan dan penolakan. Dalam konflik interpersonal antara Zainuddin dan Hayati, penyelesaian itu melibatkan pertemuan semula setelah sekian lama dan dalam konflik antara kumpulan terutamanya antara Zainuddin dan kumpulan budakMinang diselesaikan dengan bijak dengan Zainuddin meninggalkan kumpulan itu tanpa memulakan pergaduhan, menghormati perbezaan budaya dan menerima realiti sosial yang berbeza. Secara keseluruhan, resolusi yang diambil dalam filem ini menunjukkan kebijaksanaan, keberanian, dan keupayaan watak utama untuk berkembang dan menerima konflik dalam kehidupan mereka. Proses ini memberikan dimensi emosi yang mendalam kepada naratif, menonjolkan mesej ketahanan dan pertumbuhan peribadi dalam menghadapi cabaran hidup.

## BAB 5

### KESIMPULAN

#### 5.0 Pengenalan

Bab ini merupakan bab yang terakhir mengenai kajian menyeluruh selepas mengumpul beberapa analisis berhubung konflik dalam watak filem. Fokusnya adalah untuk merumuskan hasil analisis dalam bab empat khususnya berkaitan filem *Tenggelamnya Kapal Van der Wijck* arahan Sunil Soraya. Isu-isu yang dibincangkan merangkumi analisis rumusan, cadangan untuk kajian akan datang, dan kesimpulan kajian. Pengkaji mendapati bahawa filem banyak merangkumi unsur konflik yang telah dipraktikkan dalam filem. Setiap analisis dirumus untuk memudahkan pemahaman pembaca tentang setiap subtopik kajian, manakala cadangan bertujuan untuk memberikan pandangan pengkaji untuk penambahbaikan masa depan, terutamanya untuk penyelidik yang ingin mengkaji filem yang sama dengan pendekatan yang berbeza.

#### 5.1 Rumusan

Secara ringkasnya, konflik-konflik yang wujud dalam filem *Tenggelamnya kapal Van Der Wijck* telah berjaya dikeluarkan dengan menggunakan teori J.W Burton. Konflik dikeluarkan dan dikelaskan mengikut teori J.W burton iaitu konflik intrapersonal, interpersonal, antara kumpulan dan antara negara. Namun, hanya tiga kategori saja yang terdapat dalam filem iaitu intrapersonal, interpersonal dan konflik antara kumpulan.

Pertama sekali, konflik intrapersonal menjadi elemen penting dalam pembentukan plot. Zainuddin dan Hayati sebagai watak utama mengalami konflik dalaman yang

mencirikan perjuangan peribadinya. mereka berhadapan dengan dilema cinta dan tanggungjawab keluarga, menggambarkan perjuangan dalam memahami dan mengimbangi keperluan dan tanggungjawab peribadi kepada keluarga dan masyarakat. Dalam mengatasi konflik intrapersonal adalah dengan mengakui dan memahami punca perselisihan dalaman, dan mencari jalan untuk menyelesaikan nilai atau matlamat peribadi yang bercanggah.

Melalui konflik interpersonal pula muncul sebagai aspek yang rumit dan menyentuh perasaan. Zainuddin terjerat dalam konflik cinta tiga segi antara dirinya, Hayati, dan Aziz. Melalui analisis Burton, konflik ini boleh difahami sebagai konflik kepentingan dan nilai antara individu yang terlibat. Pembangunan watak dan jalan cerita membawa konflik ini ke kemuncak, mewujudkan ketegangan yang memerlukan penyelesaian. Di peringkat interpersonal, usaha diperlukan untuk membina komunikasi terbuka dan jujur, memahami perspektif orang lain, dan bersedia untuk memberikan pemahaman dan menerima maklum balas. Mempunyai keupayaan untuk berempati dan peka terhadap perasaan dan keperluan orang lain juga merupakan faktor penting.

Konflik antara kumpulan atau masyarakat pula menyentuh aspek norma dan moral. Masyarakat menghukum Zainuddin disebabkan oleh faktor budaya tempatan, mewujudkan ketegangan sosial yang meningkat sepanjang filem. Dalam konteks konflik ini, elemen etika dan pandangan masyarakat terhadap norma moral menjadi bahan perbincangan. Dalam menangani konflik antara kumpulan, langkah pertama ialah membuka dialog, mewujudkan persekitaran yang menyokong komunikasi berkesan antara ahli kumpulan, dan mencari persamaan antara perbezaan. Usaha untuk memahami dan menghormati kepelbagaiannya, serta membina kerjasama yang saling menguntungkan, boleh membantu mengurangkan ketegangan antara kumpulan.

Secara keseluruhannya, filem ini menggambarkan secara mendalam perjalanan kompleks watak utama melalui pelbagai konflik. Memberikan gambaran mendalam tentang dinamika perhubungan dan perjuangan individu dalam menangani cabaran hidup, filem ini menarik penonton untuk merenung nilai kehidupan dan kerumitan peribadi. Dengan ini, dapat ditemui penyelesaian yang menghormati nilai, keperluan dan aspirasi semua pihak yang terlibat, membawa kepada penyelesaian konflik yang mampan dan mewujudkan hubungan yang lebih baik.

## 5.2 Cadangan

Berdasarkan kajian yang dijalankan, pengkaji berharap kajian mereka dapat menjadi rujukan kepada pihak masyaakat khususnya yang ingin mengkaji isu konflik. Dalam bahagian ini, pengkaji akan memberikan beberapa cadangan berkenaan kajian yang tertumpu kepada konflik dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck karya Sunil Soraya dengan mengaplikasikan Teori Konflik. Walaupun pengkaji percaya terdapat kekurangan dan kelemahan dalam penyelidikan ini, pengkaji cuba mengemukakan beberapa cadangan agar pihak lain atau pengkaji akan datang dapat meneruskan penyelidikan yang lebih baik. Terdapat cadangan yang mampu diutarakan oleh pengkaji mengenai isu yang telah dibawa oleh pengkaji.

### 5.2.1 Cadangan kepada Pelajar Dalam Bidang Kesusastraan

Bagi pelajar sastera generasi akan datang, dicadangkan mereka mengambil pendekatan analisis yang mendalam terhadap teori konflik dalam konteks karya sastera. Satu aspek yang perlu diberi perhatian ialah bagaimana konflik individu

baik dalaman maupun luaran membentuk perjalanan dan perkembangan watak dalam sesebuah cerita. Dengan merenungkan nilai, keinginan atau identiti yang bercanggah, mereka boleh memperoleh gambaran yang ketara tentang kerumitan teori konflik yang dicerminkan dalam naratif. Selain itu, adalah penting untuk meneroka latar belakang karya untuk mengenal pasti unsur konflik sosial, seperti ketidakadilan, ketidaksamaan atau perubahan sosial. Melalui penyelidikan ini, pelajar dapat memperoleh pemahaman yang lebih mendalam tentang cara penulis secara halus menyampaikan isu konflik dalam konteks naratif mereka.

Bukan itu sahaja,tidak kalah pentingnya dalam mengkaji tema yang mencerminkan konflik, seperti perebutan kuasa, hak asasi manusia, atau ketidakseimbangan kuasa. Melalui analisis mendalam terhadap tema-tema ini, pelajar dapat membuka pintu kepada lapisan makna teori konflik dalam struktur naratif. Sejauh mana konflik berkembang dan diselesaikan dalam karya sastera juga perlu dikaji dengan teliti. Melibatkan diri dalam penyelidikan mengenai penyelesaian konflik, sama ada melalui penyelesaian yang harmoni, revolusi, atau perubahan watak, boleh memberikan gambaran mendalam tentang bagaimana teori konflik direalisasikan dalam karya sastera. Pelajar diingatkan supaya tidak mengabaikan pengaruh konteks sejarah dan sosial terhadap konflik dalam sastera. Merefleksikan bagaimana unsur-unsur ini nyata dalam naratif dapat membantu pelajar memahami dengan lebih baik bagaimana karya sastera mencerminkan realiti sosial pada masa tertentu. Melalui pendekatan analisis komprehensif terhadap teori konflik dalam kesusteraan, pelajar akan dapat meneroka lapisan makna yang lebih

mendalam dan menggunakan pengetahuan ini dengan lebih fleksibel dalam tafsiran dan kritikan sastera mereka.

### **5.2.2 Cadangan kepada Pihak Kerajaan dan Dewan Bahasa Pustaka (DBP)**

Melalui hasil kajian yang telah dilakukan, pengkaji juga mencadangkan agar pihak kerajaan dan Dewan Bahasa dan Pustaka mengambil langkah proaktif untuk memperkayakan pemahaman orang ramai tentang teori konflik dengan mengintegrasikan aspek-aspek ini ke dalam sistem pendidikan dan pengajaran bahasa. Pertama sekali, adalah perlu untuk mewujudkan program pendidikan yang merangkumi kurikulum sekolah dengan penekanan kepada unsur-unsur teori konflik. Mengintegrasikan teori konflik dalam kurikulum mungkin termasuk kajian teks sastera yang kaya dengan konflik, analisis kritis konflik dalam sejarah atau budaya tempatan, dan bahan pengajaran yang mencerminkan isu konflik dalam masyarakat. Guru juga perlu diberi latihan dan bimbingan untuk memahami dan mengaplikasikan konsep teori konflik secara mendalam dalam proses pengajaran. Selain itu, kerjasama dengan penulis tempatan yang mengambil pendekatan teori konflik dalam karya mereka dapat diperkuatkan. Ini boleh dilakukan dengan memberikan sokongan kewangan dan pengiktirafan kepada penulis yang menghasilkan karya yang merangsang pemikiran tentang konflik dalam konteks masyarakat. Dengan memberikan sokongan kepada penulis, pihak berkuasa boleh membina asas sastera yang lebih mantap dan berorientasikan konflik.

Tambahan pula, untuk meningkatkan kesedaran orang ramai, pihak berkuasa boleh mengekalkan atau mengukuhkan kempen kesedaran mengenai teori konflik melalui anjuran bengkel, seminar atau siri syarahan awam. Inisiatif ini mungkin melibatkan kerjasama dengan institusi pengajian tinggi, masyarakat sastera dan pakar bahasa untuk memastikan kesedaran tentang teori konflik disebarluaskan secara meluas. Dengan mengambil langkah tersebut, kerajaan dan Dewan Bahasa dan Pustaka dapat memainkan peranan penting dalam mewujudkan masyarakat yang lebih peka terhadap dinamika konflik dalam sastera dan penggunaan bahasa. Di samping itu, langkah-langkah ini juga akan menyumbang kepada perkembangan intelektual masyarakat dengan membuka ruang untuk pemahaman yang lebih mendalam tentang isu-isu sosial dan nilai-nilai yang dicerminkan dalam kesusasteraan dan penggunaan bahasa.

### 5.2.3 Cadangan kepada Pihak Media Massa

Bagi meningkatkan peranan media massa dalam memberikan maklumat dan pemahaman yang lebih mendalam kepada masyarakat mengenai teori konflik, pengkaji memberikan cadangan dengan memperkenalkan pendekatan yang lebih kritis dan kontekstual dalam liputan berita. Ini melibatkan penglibatan aktif wartawan dan editor dalam latihan dan bimbingan yang memberikan pemahaman mendalam tentang konsep teori konflik, mengukuhkan kemahiran mereka untuk mengenali, menganalisis dan menyampaikan isu konflik yang timbul dalam masyarakat. Selain itu, media massa boleh mengambil inisiatif untuk meluaskan pandangan masyarakat terhadap teori konflik melalui segmen khas atau program

perbincangan yang memfokuskan kepada penerapan konsep ini dalam menganalisis isu semasa. Program ini boleh berfungsi sebagai platform untuk pakar, cendekiawan dan individu yang mempunyai pandangan berbeza untuk membincangkan isu-isu kompleks secara komprehensif, menggalakkan pemahaman mendalam dan pelbagai perspektif.

Tambahan pula, media juga perlu menumpukan kepada pengukuhan kepelbagaian pendapat dalam liputan berita. Mereka boleh mewujudkan ruang untuk mewakili pelbagai pandangan dan suara, memastikan konflik dan perbezaan pandangan diberi penjelasan yang seimbang dan kontekstual. Ini akan membantu masyarakat membentuk pandangan yang lebih matang dan seimbang terhadap isu-isu yang melibatkan konflik dalam masyarakat. Melalui langkah-langkah ini, media massa boleh berfungsi sebagai medium pendidikan yang membantu masyarakat memahami dinamik konflik, menggalakkan pemikiran kritis, dan membentuk perspektif yang lebih inklusif dan berwawasan. Dengan memainkan peranan yang berkesan, media massa boleh memberi sumbangan positif kepada pemahaman dan pengendalian isu konflik dalam masyarakat.

#### **5.2.4 Cadangan kepada Pengkaji – Pengkaji Lain**

Pengkaji mencadangkan kepada pengkaji yang akan datang dengan menjalankan carian literatur yang mendalam terlebih dahulu untuk mendapatkan pemahaman yang menyeluruh tentang aspek yang berkaitan. Ini termasuk meneroka sejarah konflik, konteksnya, dan kemungkinan teori yang berkaitan. Temu bual

dengan pakar konflik boleh memberikan perspektif praktikal yang berharga, memberi pengkaji gambaran langsung tentang dinamik konflik. Pengumpulan dan analisis data berkaitan konflik, seperti statistik, laporan atau tinjauan, boleh memberikan asas fakta yang kukuh untuk menyokong penemuan penilaian. Melibatkan diri dalam kajian kes membolehkan pengkaji memahami dengan lebih mendalam situasi konflik yang serupa dengan fokus penyelidikan mereka. Pengkaji harus menyemak dengan teliti hasil kajian lepas untuk mengenal pasti kesimpulan dan penemuan utama, serta mengenal pasti sebarang kekurangan yang mungkin wujud. Mereka harus menekankan pendekatan baharu atau memberi tumpuan kepada aspek tertentu yang masih belum diterokai sepenuhnya, memberikan dimensi baharu dan mendalam kepada kajian.

Untuk meningkatkan kualiti kajian, adalah penting bagi pengkaji baharu untuk meluaskan skop kajian dengan mempertimbangkan elemen tambahan yang berkaitan. Ini mungkin melibatkan penggalian data baharu atau sumber maklumat yang belum diterokai sebelum ini. Dengan cara ini, pengkaji boleh memberikan sumbangan yang lebih berkesan kepada pemahaman dan penyelesaian isu konflik yang dikaji. Kerjasama aktif dengan komuniti tempatan atau kumpulan berkaitan adalah kunci untuk mendapatkan perspektif yang lebih mendalam dan kontekstual. Pengkaji harus berusaha untuk memahami pandangan, kebimbangan dan pengalaman hidup mereka yang terlibat. Hasil penilaian boleh menjadi asas kepada cadangan dan penyelesaian yang membina. Memastikan cadangan disokong oleh analisis data yang mantap adalah kunci untuk memberikan sumbangan positif untuk menyelesaikan atau mengurus konflik yang sedang dikaji.

### 5.3 Penutup

Kesimpulannya, harapan agar penyelidikan ini dapat memberi manfaat kepada masyarakat dan semua yang terlibat dalam penyelidikan dan pembelajaran tentang isu konflik atau penyelidikan yang berkaitan dengan karya sastera secara amnya. Bagi membangunkan kajian isu konflik dalam filem, semua pihak khususnya penyelidik dalam bidang sastera, perlu memainkan peranan aktif dalam meneroka isu konflik dalam karya filem. Selain itu, isu konflik yang dipersembahkan dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck seolah-olah mesej daripada penerbit bahawa konflik ini boleh dijadikan iktibar untuk penonton mengelak tindakan serupa. Justeru, kajian ini diharapkan dapat meningkatkan kesedaran kepada semua pihak tentang filem yang mengangkat tema konflik seperti Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck yang mampu menggambarkan dan merungkai segala aspek konflik yang disampaikan melalui naratif filem. Secara keseluruhannya, penyelidikan ini berjaya menjawab persoalan kajian dan mencapai objektif yang dinyatakan. Dapatan kajian adalah berdasarkan situasi yang berlaku dalam filem Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. Pengkaji berharap agar hasil kajian ini boleh dijadikan panduan untuk penyelidikan masa hadapan.

## RUJUKAN

- Astri, H. (2011). Penyelesaian konflik sosial melalui penguatan kearifan lokal. *Aspirasi: Jurnal Masalah-masalah Sosial*, 2(2), 151-162.
- Alfathah, S., & Maulana, R. A. (2023). Simbol Identitas Penggunaan Ayat Al-Qur'an dalam Film Indonesia (Kajian Semiotika Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck dan Makmum). *Jurnal Penelitian Ilmu Ushuluddin*, 3(2), 210-235.
- Asaari, A., & Aziz, J. (2017). Konflik Semiotik dan Simbolik dalam Hubungan Ibu dan Anak Perempuan dalam Filem Seram Kontemporari Melayu: Kajian Kes Filem Senjakala. *Gema Online Journal of Language Studies*, 17(4).
- Avruch, K. (1998). *Culture & conflict resolution*. US Institute of Peace Press.
- Baharuddin Zainal. (1998). *Kritikan dan Kesusasteraan: Konsep Dan Pendekatan Sastera*. Kuala Lumpur: Dewan Bahasa dan Pustaka.
- Burton, J. W. (1988). Conflict resolution as a political system.
- Burton, J. W. (1989). On the need for conflict prevention.
- Burton, J. (1990). *Conflict: Human needs theory*. Springer.
- Burton, J. W. (1997). Conflict resolution: Towards problem solving. *Peace and Conflict Studies*, 4(2), 2.
- Damayanti, W. (2020). Campur Kode Dan Gambaran Kehidupan Masyarakat Minang Dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck: Tinjauan Sosiolinguistik. *Metamorfosis| Jurnal Bahasa, Sastra Indonesia dan Pengajarannya*, 13(1), 11-20.
- Deutsch, M. (2008). A personal perspective on the history of the social psychological study of conflict resolution. *International handbook of organizational teamwork and cooperative working*, 9.
- Fauziyyah, N., & Irman, I. (2019). "Nilai-Nilai Yang Terkandung Dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck" dalam *Jurnal Riset Keagamaan, Sosial Dan Budaya*, 1(1), 69.
- Fitriyah, Y., & Puspitasari, A. (2017). Diplomasi Jepang Terhadap Rusia dalam Penyelesaian Sengketa Kepulauan Kuril Selatan Pada Masa Pemerintahan Shinzo Abe (2012-2016). *Balcony*, 1(1), 47-61.
- Herminda, H. (2020). *Analisis Semiotika Pesan-Pesan Karakter Islam dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (Doctoral dissertation, IAIN Parepare).

- Irawati, S. A., & Wantara, P. (2022). Pengaruh jenis-jenis konflik intrapersonal perempuan wirausaha terhadap tingkat kesejahteraan keluarga pedagang keliling perempuan di perumnas kamal. *Jurnal economina*, 1(3), 493-501.
- Juita, P., Saraswati, T., & Rudiansyah, R. (2021). Analisis Kepribadian Dan Konflik Batin Tokoh Utama Dalam Film Pendek Dí Dá Karya Ryan Tan. *Gramatika: Jurnal Ilmiah Kebahasaan dan Kesastraan*, 9(2), 179-189.
- Kiffl, S. B. Kehadiran Konflik Dalam Teks Syair Siti Zubaidah Perang China.
- Kiffl, S., Hamadun, F., Ariffin, M. A., Jamal, D., Haliza, D., & Hamid, H. (2020). Konflik Dalam Legenda Puteri Saadong. *International Journal of Creative Futures and Heritage*.
- Kusworo, K. (2019). Manajemen Konflik dan Perubahan dalam Organisasi. *Manajemen konflik dan perubahan dalam organisasi*.
- Mosak, H. H., & LeFevre, C. (1976). The Resolution of" Intrapersonal Conflict". *Journal of individual psychology*, 32(1), 19.
- Musa, N. D. (2015). Konflik-konflik dalam drama Shaharom Husain. *Master's diss.*, Universiti Putra Malaysia, Selangor.
- Nadiatul, K. (2019). *Hubungan Timbal Balik Antara Prinsip Kerja Sama Dengan Prinsip Kesantunan Dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (Doctoral dissertation, Universitas Andalas).
- Ramsbotham, O., Miall, H., & Woodhouse, T. (2011). *Contemporary conflict resolution*. Polity.
- Riesangaji, W. (2020). *Islam Dan Budaya Minangkabau Dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck* (Doctoral dissertation, IAIN BENGKULU).
- Rosana, E. (2017). Konflik pada kehidupan masyarakat (Telaah mengenai teori dan penyelesaian konflik pada masyarakat modern). *Al-Adyan: Jurnal Studi Lintas Agama*, 10(2), 216-230.
- Rothman, J., & Alberstein, M. (2013). Individuals, Groups and Intergroups: Theorizing About the Role of Identity in Conflict and its Creative Engagement.
- Rubenstein, R. E., & Blechman, F. O. (1999). Conflict resolution and distributive justice: reflections on the Burton-Laue debate. *Peace and Conflict Studies*, 6(1), 42-52.
- Saimon, A., & Hamzah, Z. A. Z. (2019). Penggunaan kiasan dalam plot konflik filem: Satu analisis pragmatik: Metaphorical usage of conflict plot in film: A pragmatic approach. *PENDETA*, 10, 37-74.

- Saimuary, D. I., Simbolon, I. M., & Hutabarat, R. L. (2021). Analisis Sosiolinguistik Dalam Film Tenggelamnya Kapal Van Der Wijck. *JURNAL SASINDO (Program Studi Sastra Indonesia FBS UNIMED)*, 10(1).
- Satata, D. B. M., & Shusantie, M. A. (2021). Analisis hubungan interpersonal dalam film ‘tilik’ pada perspektif psikologi. *Jurnal Dinamika Sosial Budaya*, 23(1), 108-114.
- Sicka, M. (2020). *Konflik Sosial Antara Watak dalam Novel Jizeru karya Akiyoshi Rikako Pendekatan Sosiologi Sastera* (Disertasi Kedoktoran, Universiti Darma Persada).
- Sipayung, M. E. (2016). Konflik sosial dalam novel Maryam karya Okky Madasari: Kajian sosiologi sastra. *Sintesis*, 10(1), 22-34.
- Sudira, I. N. (2022). Resolusi Konflik sebagai Jalan Perdamaian Di Tanah Papua. *Jurnal Ilmiah Hubungan Internasional*, 82-95.
- Teater, S. M. T. K. P. (2022). Pendekatan Teori Konflik Dalam Pertelingkahan Watak Menerusi Skrip Drama Mayat (1970).
- Tidwell, A. (2001). Conflict resolved?: *A critical assessment of conflict resolution*. A&C Black.
- Yaacob, C. H. E., & Ahmad, M. Z. (2019). Transformasi Isu Dalam Penyelesaian Konflik Patani Di Selatan Thailand. *Jebat: Malaysian Journal of History, Politics & Strategy*, 46(1).
- Yahya, M. A., Ahmad, A. A., Hashim, N., & Johari, A. (2022). Unsur Konflik Dalam Kartun ‘Aku Budak Minang’: Kajian Dari Perspektif Psikologi. Rentas: *Jurnal Bahasa, Sastera dan Budaya*, 1(1), 135-156.
- Zain, R. M., & Affendi, N. R. N. M. (2018). Unsur Konflik dalam Novel Nenek Karya Razali Endun. *Malay Literature*, 31(1), 124-142.